

BAB I

SEJARAH DAN PERKEMBANGAN HADITH DI SUMATERA

1.1 Pengenalan

Sumatera¹ merupakan awal tersebarnya hadith di Nusantara dan juga memiliki pengaruh yang besar pada dunia Islam. Banyak berdiri kerajaan-kerajaan Islam dan juga tidak sedikit kerajaan Budha-Hindu yang berkembang seperti Kerajaan Sriwijaya. Tetapi kerajaan Islamlah yang memberikan pengaruh yang paling besar.² Tiada seorang pun Hindu-Melayu atau Budha Melayu yang muncul maju ke hadapan sebagai seorang ahli fikir atau filsuf terkenal. Bahkan agama Hindu dan Budha itu tiada berhasil mempengaruhi intelek Melayu untuk dapat melahirkan ahli fikir dan filsuf dari kalangan bumiputera di Sumatera.³

Pada bab ini, penulis akan membincangkan awal sejarah dan perkembangan Hadith di Sumatera sejak abad ke 17 Masihi dilanjutkan perkembangan hadith pada abad ke 19 Masihi sampai abad ke 20 Masihi dari segi penulisan dan pengajaran hadith beserta tokoh-tokoh yang menguasai bidang hadith pada masa tersebut, serta perkembangan pengajian hadith di Institusi Perguruan Tinggi di Sumatera.

1.2 Sejarah Awal dan Perkembangan Hadith pada Abad ke 17 Di Sumatera

Sejarah penulisan kitab hadith di Sumatera berkait rapat dengan sejarah kemasukan Islam. Ini kerana, ilmu hadith adalah salah satu cabang ilmu pengetahuan dalam Islam dan sudah pasti ia masuk ke Sumatera bersama-sama dengan tarikh kedatangan Islam di Sumatera.

¹ Sumatera merupakan salah satu pulau yang berada di Negara Indonesia yang merupakan pulau yang luas di Hindia Timur dan pulau dikawasan barat kepulauan Melayu. Ianya terletak di jalur pelayaran dari pelabuhan India ke kepulauan rempah-rempah, terus ke Cina. William Marsden, *Sejarah Sumatera*, (Bandung : PT Remaja Rosdakarya, 1999), 2.

² *Ibid.*

³ Syed Naquib al Attas, *Islam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*, (Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972), 17.

Islam telah masuk ke bahagian Utara Sumatera sekitar tahun 1112 M hasil usaha pendakwah bernama Syekh Abdullāh Arīf.⁴ Dipercayai, beliau telah membuat karangan terjemahan kitab *Bahr al Lahūt* yang sudah pun tersebar pada abad ke enam Hijrah atau dua belas Masihi.⁵ Selanjutnya ada tokoh pengembara yang telah sampai kepulauan Sumatera, iaitu Ibnu Baṭuta⁶ pengembara Maghribi yang masyhur (725 H – 1325 M) dalam perjalanan pergi balik ke Cina ianya singgah di Pasai. Pada masa itu Pasai telah menjadi kerajaan Islam dibawah raja yang bernama al-Malik al-Zahīr.⁷ Beliau Menurut catatan Ibnu Baṭuta, raja yang memerintah pada masa itu sangat memberi perhatian berat pada hal keagamaan.

“ The Sultan of java (Sumatera), al- Malik al Zahīr, is a most illustrious and open handed ruler, and lover of theologians. He is contantly engaged in warring for faith

⁴ Dipercayai Abdullāh Arīf bukanlah nama sebenar. Lihat Mahayudin Hj. Yahaya, *Naskah Jawi Sejarah dan Teks Jilid 1*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1994), 34. dan Abdurrahman bin Muhamed Amin, *Sumbangan Haji Abdul Halim al-Hādi Dalam Bidang Hadith: Tumpuan Kepada Kitab Tajdīdi Atrāfal-Ḥadīth*, (Kuala Lumpur: Desertasi, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, 2007), 30.

⁵ Mahayudin Hj. Yahaya, *Naskah Jawi Sejarah dan Teks Jilid I.*, 3.

⁶ Beliau Lahir di Tangier 17 Rajab 703 H/ 25 Februari 1304. Nama lengkapnya ialah Muhammad bin Abdullah bin Muhammad bin Ibrahim al-Tanji, bergelar Syamsuddin bin Baṭuta. Beliau menuliskan kitab ‘*al-Rihlah*’, seperti. “*Aku tinggalkan Tangier, kampung halamanku, pada Khamis 2 Rajab 725 H/ 14 Jun 1325 M. Saat itu usiaku baru 21 tahun empat bulan. Tujuanku adalah menunaikan ibadah haji ke Tanah Suci di Makkah dan berziarah ke makam Rasulullah SAW di Madinah.*’

Ibnu baṭuta juga datang kepada Kerajaan Samudera Pasai semasa kerajaan Islam pertama di Nusantara pada abad ke-13 M, iaitu di bumi Aceh Serambi Mekah selama 15 hari pada tahun 1345. Ibnu Baṭuta melukiskan Samudera Pasai dengan begitu indah... ‘*Negeri yang hijau dengan kota pelabuhannya yang besar dan indah.*’ Beliau disambut oleh pemimpin Daulasah, Qadī Syarif Amīr Sayyīd al-Syirazī, Tajuddīn al-Aṣbahāni dan ahli fiqh kesultanan. Menurut Ibnu Baṭuta, masa itu Samudera Pasai telah menjelma sebagai pusat studi Islam di Asia Tenggara. Menurut Ibnu Baṭuta, penguasa Samudera Pasai itu memiliki *ghīrah* belajar yang tinggi untuk menuntut ilmu-ilmu Islam kepada ulama. Dia juga mencatat, pusat studi Islam yang dibangun di lingkungan kerajaan menjadi tempat diskusi antara ulama dan pembesar kerajaan. Dalam kitab yang berjudul ‘*Tuḥfāt al-Nazhār*’, Ibnu Baṭuta telah bertemu dengan tujuh raja yang memiliki kelebihan yang luar biasa.

Ketujuh raja yang dikagumi Ibnu Baṭuta itu antara lain..

- i..Raja Iraq yang dinilainya berbudi bahasa.
 - ii.Raja Hindustani yang disebutnya sangat ramah.
 - iii.Raja Yaman yang dianggapnya berakhlak mulia.
 - iv.Raja Turki dikaguminya kerana gagah perkasa.
 - v..Raja Romawi yang sangat pemaaf.
 - vi.Raja Melayu Malik Al-Zahīr yang dinilainya berilmu pengetahuan luas dan mendalam.
 - vii.Raja Turkistan. Ṣabībah bt Hj. Shaufit Affāndi, “Ibnu Baṭuta”, Laman sesawang *Fathul Thaqaifah*, dicapai 7 januari 2013, <http://fathulthaqaifah.blogspot.com/2012/11/ibnu-batutah.html>
- ⁷ Merah Silu adalah nama dari al-Malik al-Zahīr sebelum memeluk agama Islam. Lihat, Ismail Hamid, *The Malay Islamic Hikayat*, (Selangor : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983), 16.

(against the infidels) and in reding expeditions but is with all a humble hearted man, who check walks on foot to the Friday prayers.’⁸

Dengan keterangan di atas ahli sejarah menetapkan dengan pasti bahawa agama Islam bermula masuk ke Sumatera iaitu dari Aceh. Dari sanalah Islam memancarkan cahayanya ke Melaka dan Sumatera Barat (Minangkabau) dan berkembanglah ke Pulau Jawa, Sulawesi, Ambon, dan sampai Filipina. Sehingga agama Islam dianut dan didukung oleh kerajaan Islam di Indonesia.⁹

Kerajaan Melayu yang ada Sumatera iaitu Kerajaan Perlak (840-1292)¹⁰. Kerajaan Islam Pasai di Aceh pada tahun 1290-1511 M, Kerajaan Islam Aceh pada tahun 1513-1904 M, Kerajaan Islam di Minangkabau pada tahun 1500 M.¹¹ Di Semenanjung Tanah Melayu yaitu Kerajaan Melaka (1409-1511) yang mengambil peranan utama dalam penyebaran agama Islam ke seluruh bagian Kepulauan Melayu-Indonesia.¹²

Pada zaman kerajaan Perlak tidak banyak meninggalkan catatan sejarah tentang penyebaran Islam, tetapi pada masa kerajaan Samudra Pasai terutamanya semasa pemerintahan Sultān Maḥīk al-Ṣāliḥ (1261-1289) dan dilanjutkan kepada pemerintahan Sultān Maḥīk al- Zāhir (1326-1350) memberikan peringkat penyebaran pengaruh Islam Nusantara secara besar-besaran.¹³

Sebagai pusat pengajian Islam, kerajaan Samudera Pasai boleh dikatakan telah mengambil alih peranan yang selama ini dimainkan oleh Kerajaan Perlak. Bahkan kedudukan Pasai sebagai pusat penyebaran agama Islam tetap penting meskipun dari

⁸ Abdul Rahma Haji Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara Sejarah Dan Perkembangannya Hingga Abad ke 19*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 98.

⁹ Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam Di Sumatera*, (Jakarta : Pustaka Mahmudiah, 1960), 9.

¹⁰ Abdul Rahma Haji Abdullah, *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*, 97.

¹¹ Abdul Rahma Haji Abdullah, “*Pemikiran Umat*”, 97.

¹² Syed Naquib al Attas, *Islam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, (Kuala Lumpur:Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972), 22.

¹³ *Ibid.*, 104.

segi politiknya ia mulai mengalami kelemahan bersamaan dengan kenaikan Kerajaan Melaka.¹⁴

Kerajaan Melaka pada masa pemerintahan Sulṭān Muzafar Shah (1446-1456)¹⁵ beliau telah mempergiat lagi penyebaran agama Islam menerusi kuasa politik yang ada pada Kerajaan Melaka ketika itu. Pada zaman Sultan Manshūr Shah (1456-1477)¹⁶ penyebaran Islam mempunyai kedudukan kukuh di rantau ini, sehingga menyebabkan runtuhnya kerajaan Majapahit. Penyebaran besar-besaran tidak hanya ke pulau Jawa sahaja bahkan sampai ke Maluku dan Borneo. Ramai tokoh Islam dari luar negara datang ke Melaka seperti dari Afghanistan, Melbari, Hindustani, dan yang terutamanya dari bangsa Arab. Namun demikian kejayaan dan keagongannya dalam bidang keagamaan, politik dan ekonomi di rantau ini ia menghadapi kejatuhan di tangan Portugis pada tahun 1511 Masehi. Dengan lenyapnya kerajaan Melaka, usaha dan peranannya terutama dalam penyebaran agama Islam telah pun disambung semula oleh kerajaan Aceh.¹⁷

Pada Abad ke lima belas, muncullah Kerajaan Aceh yang berjaya mengambil alih tugas-tugas yang dilaksanakan oleh Melaka sebelumnya. Kerajaan ini merupakan

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ Raja Kassim, anakanda Sultan Muhammad Syah bersama Tun Wati, telah ditabalkan sebagai pemerintah kelima Melaka setelah kemangkatan Sultan Abu Syahid. Baginda bergelar Sultan Muzaffar Syah. Setelah pertabalan baginda sebagai pemerintah Melaka, Sultan Muzaffar Syah telah mengarahkan pegawai kanannya untuk melaksanakan segala adat istiadat, tradisi dan larangan yang diperkenalkan oleh almarhum ayahandanya. Sultan Muzaffar Syah mengahwini anak Seri Amar Diraja, iaitu Perdana Menteri ketika itu dan dikumiakan seorang putera bernama Raja Abdullah. Sultan Muzaffar Syah telah mangkat selepas serangan dari Siam itu pada tahun 1456. Lihat, "Sultan Muzafar Shah", laman sesawang Sejarah Malaysia, dicapai 7 januari 2013, <http://sejarahmalaysia.pnm.my>.

¹⁶ Sultan Mansur Shah (memerintah 1456-1477) adalah gelaran kepada Raja Abdullah, baginda menaiki takhta Kesultanan Melayu Melaka selepas kemangkatan bapanya Sultan Muzaffar Shah. Dalam pemerintahannya, baginda menjalankan dasar peluasan wilayah. Banyak negeri di bawah taklukan Melaka seperti Selangor, Bernam, Manjung, Rupert, Singapura, Bentan dan pulau sekitarnya. Dalam strategi pertahanan pula, baginda mengarahkan Bendahara Tun Perak menyerang Pahang sebagai benteng di pantai timur. Kampar dan Siak juga ditawan tetapi mereka gagal menawan Pasai dan Aru. Dikatakan negeri ini mempunyai hulubalang yang tiada tandingannya. Sebaliknya, Inderagiri dan Siantan diberi percuma oleh Majapahit setelah Mansur Syah berkahwin dengan puteri Batara Majapahit. Lihat, "Sultan Mansur Syah", laman sesawang *Wikipedia*, dicapai 7 januari 2013 http://ms.wikipedia.org/wiki/Sultan_Mansur_Shah

¹⁷ Haji Abdullah Ishak, *Islam Di Nusantara Khususnya Di Tanah Melayu*, (Kuala Lumpur: t.p., 1989), 99-105.

berkelanjutan dari kerajaan Samudera Pasai sebelum lahirnya Kerajaan Melaka. Bagi mengukuhkan lagi status politik dan penyebaran agama Islam, Aceh telah mengadakan hubungan persahabatan dan diplomatik dengan negara-negara Islam yang lain, terutama dengan India (Gujarat dan Malabar), Turki, Makkah dan Mesir. Akibat hubungan tersebut, pada zaman Sultan Alaudīn Manshūr Shah (1581-1587 M) datanglah beberapa ulama dari Timur Tengah ke Aceh diantaranya seperti Syeikh Qadir Ibn Hajar dan Syeikh Muhammad Yamani dari Makkah. Dari Gujarat ialah Syeikh Muhammad Jailani ibn Muhammad al Raniri. Begitu juga pada zaman pemerintahan sultan-sultan yang lain terutamanya pada zaman Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636). Ulama-ulama yang datang dari Asia Barat dan India dapat membantu usaha dakwah dan memperdalam lagi ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam, sehingga menjadikan Aceh sebagai pusat pengajian Islam dan kebudayaan yang terkenal.¹⁸

Abad ke enam belas adalah dimana Islam telah berdiri kokoh di Wilayah Aceh. Di mulai dengan wujudnya kerajaan Aceh Darussalam yang seterusnya menjadi pusat keilmuan Islam di Asia Tenggara. Dari sini muncullah ulama-ulama besar di antaranya Abd Raūf al-Sinkīlī. Beliau adalah salah satu daripada ulama yang tersohor pada masa tersebut. Beliau lahir pada tahun 1615 dan meninggal pada tahun 1693 M.¹⁹

Berbekalkan semangat dan sokongan dari pihak kerajaan, al-Sinkīlī mulai menulis ilmu beliau dalam karya-karya keagamaan. Pengetahuan beliau dalam pelbagai bidang keislaman. Mulai dari fiqh, tasawwuf, aqidah, tafsir, dan juga hadith. Akan tetapi pada masa itu ulama-ulama dalam penulisannya lebih kepada dalam bidang tasawwuf sangat jarang sekali bahkan belum ada yang menulis dalam bidang hadith.²⁰

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ Fairuzah Basri dan Salmah Ahmad, “*Manuskrip Ūmdah al-Muhtajīn: Sumber Biografi Abdul Raūf alī Fansūri al Sinkīlī*”, (Makalah, Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV : Ulama Pemacu Transformasi Negara, Jabatan Pengajian Arab dan Tamaddun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Unversiti Kebangsaan Malaysia, 25-26 November 2011).

²⁰ *Ibid.*

Syed Naquib al-Attas menegaskan bahawa Islam datang ke Nusantara pada umumnya menerusi tasawwuf yang berjaya mengubah minda dan pola pemikiran masyarakat Nusantara menjadi berfikir secara rasional dan intelektual serta progresif.

“ Islam came into archipelago couched in sufi metaphysics. It was through Tasawwuf that the highly intellectual rationlistic religious spirit entered the receptive minds people, effecting rise of rasionalism and intellectualism not manifested in pre-Islamic times. This emergence of rationalism and intellectualism can viewed as the powerful spirit that in motion the proses of revolutionizing the malay-Indonesian world view, turning it away from a crumbling world mythology, which can be compared with the greek world in the Olympian era, to the world of intelligence, reason and order”²¹

Fakta ini juga turut disokong oleh Martin Van Bruinessen yang menyatakan bahawa abad-abad pertama Islamisasi Asia Tenggara iaitu bersamaan dengan masa berkembangnya tasawwuf pada abad pertengahan dan pertumbuhannya tarekat. Beliau juga mengambil ilmunan Australia, Anthony John yang menjelaskan bahawa Islamisasi tersebut disebabkan adanya pengislaman yang secara aktif dilakukan oleh para sufi yang datang bersama-sama dengan para pedagang asing.²²

Pembabitan al-Sinkīlī dalam bidang hadith bermula sejak beliau belajar dan berinteraksi dengan jaringan ulama Timur Tengah. Iaitu ketika beliau datang di beberapa pusat keilmuan Islam antara Yaman dan Makkah. Oleh sebab itu, tidaklah hairan jika beliau juga telah menghasilkan sumbangan dalam bidang hadith.²³

Manakala sumbangannya dalam bidang hadith adalah nampak dari dua aspek. Iaitu pertama, pandangannya terhadap hadith. Dalam hal ini al-Singkili selalu mengambil kira hadith sebagai landasan atas setiap pendapat-pendapatnya dan juga ajaran-ajarannya. Bahkan al-Singkili dalam satu karyanya menyatakan secara langsung tentang pentingnya hadith sebagai satu sumber ilmu yang akan membawa kepada jalan

²¹ Syed Naquib al-Attas, *Raniri and the Wujudiyah*., 5.

²² Martin Van Bruinessen, *Tarekat Naqsabandiyah Di Indonesia*, (Bandung : Mizan, 1995), 188-189.

²³ Harun Nasution *et.al*, *Ensiklopedi Islam Indonesia*, (Jakarta : Penerbit Jembatan, 1992), 31.

yang lurus. Kedua, penyusunan karya hadith. Dalam hal ini al-Singkili telah menyusun dua karya Hadith iaitu *Sharḥ Latīf ‘Al ‘Arba’īn Hadīthan Al-Imām Al-Nawāwī* dan *Mawā’iz al-Badī’*. Karya hadith inilah merupakan karya terawal dalam bidang hadith yang dihasilkan oleh ulama Nusantara.

Pengaruh al-Sinkīlī membawa kesan yang baik. Tokoh Syeikh Nurūddīn al-Raniri juga menulis sebuah kitab yang khas berkaitan dalam bidang hadith iaitu kitabnya yang bertajuk *Hidāyah al Ḥabīb fi al Targhīb wa al Tarhīb* atau biasa kita sebut dengan *Fawāid al Bahiyyah*. Tahun penulisannya bertempat di Pahang, pada hari Jumaat, bulan Syawal 1045 H / 1635 M. Pentashih pertama kitab ini adalah Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Faṭani. Kemudian tersebarnya *al-Fawāid Bahiyyah* bersama *Jam’ul Fawā'id* disebabkan dengan berulang kalinya terbit di Makkah dan di Mesir. Terbitan terakhir di Asia Tenggara dan masih beredar sampai sekarang yang diusahakan oleh *Maktabah Wa al Matb’ah al Nahdi* dan anak-anaknya tanpa menyebut tahun diterbitkan. Terbitan terakhir yang ditashih oleh Hj. Abdullah bin Ibrahim, Langgar, Kedah Dan Syeikh Aḥmad Sa’ād Filfulānī. Kitab *al Fawāid al Bahiyyah* adalah sebuah kitab Hadīth yang pertama kali di Alam Melayu (1045 H / 1635 M). Sampai saat ini belum lagi dijumpai kitab hadith yang berbahasa Melayu yang lebih awal dari padanya.²⁴ Pada abad ini, pengajian hadith di Sumatera terhenti sampai abad ke 19.⁵⁰²⁵

²⁴ W. Mohd. Shaghir Abdullah, *Khazanah Karya Pustaka Asia Tenggara*, j.2, (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1991), 60

²⁵ Dalam kurun abad ke 18, sebuah kitab yang bernama *Syifā al Qulūb* yang dikarang oleh ulama Aceh yang bernama Abdullah al-‘Āsyī. Beliau menuliskan karya ini pada tahun 1225 H (1810 M). Di dalamnya terdapat empat puluh buah bab dengan disertakan sebanyak empat ratus hadith dalam lima puluh tujuh muka surat. Beliau banyak membincangkan tentang bab kelebihan suatu amalan.⁵⁰ Tetapi kitab ini masih terdapat kontroversi dimana sebahagian pengkaji ilmu hadith menyatakan bahawa kitab ini bukan termasuk kitab hadith, seperti menurut Ramli Abdul Wahid, kitab ini tidak membahas hadith-hadithnya dari aspek hadith dan tidak pula membahas ilmu Hadith. Hadithnya ditulis tanpa sanad, tanpa rujukan sumber asli hadith, dan orientasinya adalah tasawuf. Maka dari itu kitab *Syifā al Qulūb* tidak termasuk dalam kitab hadith lebih kerana lebih kepada pembahasan ilmu tasawwuf. Lihat: Ramli Abdul Wahid, *Perkembangan Hadith di Indonesia (Studi Tokoh Dan Ormas Islam)*, *Jurnal Tsaqafah*, (Disember 2011), Volume IV-2. Lihat juga, Ramli Abdul Wahid, “Perkembangan Hadith di Indonesia (Studi Tokoh Dan Ormas Islam)”, laman sesawang *tsaqafah*, di capai 10 januari 2013, <http://tsaqafah.isid.gontor.ac.id/volume-iv-1/volume-iv-2>.

1.3 Perkembangan Hadith Pada Abad 19 Sampai Awal Abad 20 di Sumatera

Setelah terhentinya penulisan hadith di Sumatera sejak abad ke 17 Masihi maka mulai berkembang kembali disiplin ilmu hadith pada akhir abad ke 19 yang mana penulisan hadith sempat terhenti 1,5 abad lamanya.

Upaya perkembangan kajian hadith ini, banyak ulama-ulama Aceh mahupun ulama di Padang yang belajar tentang keIslaman sampai ke Timur Tengah, dalam belajarnya mereka tidak banyak yang mendalami hadith ataupun ilmu hadith tetapi pendalamannya lebih kepada fiqh, tasawwuf, falak dan lain sebagainya. Hal ini bisa diduga disebabkan oleh beberapa hal. *Pertama*, kenyataan bahawa kajian hadith tidak terfokuskan seperti kajian di keislaman yang lain, seperti al-Qur'an, fiqh, akhlak dan tasawwuf. *Kedua*, kajian hadith boleh dikatakan berkembang sangat lambat, terutama bila dilihat dari kenyataan bahawa para ulama Nusantara telah menulis di bidang hadith sejak abad ke-17. Tulisan-tulisan tersebut tidak dikembangkan lebih jauh. Kajian hadith setelah itu mengalami kemunduran hampir satu setengah abad lamanya. Untuk itulah, perhatian para pengamat terhadap kajian hadith pada khususnya di Sumatera masih sangat kurang. Meskipun ada pengkaji yang menaruh perhatian, perhatiannya masih belum sistematis dan tidak komprehensif.

Dengan berkembangnya zaman, pada abad ini munculah tokoh-tokoh ahli hadith di Sumatera yang untuk mengkaji dan menjaga keberadaan hadith dan ilmu hadith iaitu, TM Hasby Ash Shiddieqy (m. 1975 H), dilanjutkan oleh Mahmud Yunus (m. 1983 H) Sheikh Yasīn al Fadāni (m.1990 H) dan Sheikh Mawardi (m. 1994 H), Sheikh Ali Hasan Ahmad (m.1998), Ramli Abdul Wahid, Adapun latar belakang tokoh-tokoh hadith ini adalah sebagai berikut :

1.3.1 Hasbi Ash Shiddieqy (m. 1975)

Salah satu pemikir Islam di Indonesia yang tersohor adalah Professor Tengku Muhammad Hasbi Ash Shiddieqy. Melalui karya-karya terbaiknya, dalam bidang fiqh, hadith, tafsir, maka hingga sekarang ia tetap dikenal serta dikenang. Karya-karya beliau banyak menjadi rujukan bagi ahli hadith atau pemikir-pemikir Islam sesudahnya, termasuk salah satunya adalah Syuhudi Ismail.

Profesor Tengku Muhammad Hasby Ash Shiddieqy lahir di Lhok Sumawe, Aceh 10 Mac 1904, Beliau lahir dari golongan ulama yang mempunyai silsilah dari Arab. Dari silsilah ini diketahui bahwa ia adalah keturunan 37 dari Abū Bakar al Ṣiddīeq. Beliau putera dari pasangan Teungku Amrah, puteri Teungku Abdul Aziz pemangku jabatan Qadhī cilik Maharaja Mangku Bumi dan al-Ḥājj Teungku Muhammad Husein Ibn Muhammad Mas'ūd. Ketika berusia 6 tahun ibunya wafat. Kemudian, ia diasuh oleh Teungku Syamsiah, salah seorang mak ciknya. Sejak berusia 8 tahun, Hasbi melanjutkan pendidikannya dari satu pesantren (pondok) ke pesantren yang lain yang bertempat di Bekasi, pusat Kerajaan Pasai pada masa lalu, dan hanya satu setengah tahun duduk di sekolah al-Irsyād (1926). Dengan pendidikan formal seperti itu, beliau memperlihatkan dirinya sebagai seorang pemikir. Kemampuannya selaku seorang intelektual diakui oleh dunia internasional Islamic Colloquium yang di selenggarakan di Lahore, Pakistan.²⁶

Beliau seorang guru besar IAIN Sunan Kali Jaga di Jogjakarta. Menjelang wafatnya beliau memperoleh dua gelar Doktor Honoris Causa iaitu, Dr. HC (Universiti Islam Bandung) pada Mac 1975 dan Dr. HC (IAIN, Yogyakarta) pada Oktober 1975.

²⁶ Sulidar, *Ketokohan T.M Hasby Ash Shiddieqy Dan Sumbangan Pemikirannya Dalam Bidang Hadith Riwayah dan Dirayah Di Indonesia*, (Tesis PhD, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya) 82.

Gelar ini didapat berkat jasa-jasanya terhadap perkembangan perguruan tinggi Islam di Indonesia.²⁷

Pertama kali beliau memulai bergerak dengan tokoh pembaharuan bertempat di Aceh, dilingkungan masyarakat yang dikenal fanatik pada kelompoknya. Namun, pada awal perjuangannya banyak yang kurang bersetuju dengan pemikiran pembaharuannya, kerana itu beliau mulai dimusuhi dan dasingkan oleh pihak yang tidak sefaham dengannya. Maka Hasbi berpindah ke Jogjakarta dan disinilah ketokohan beliau mulai menyerlah. Dalam berpendapat, beliau merasa dirinya tidak terikat dan tidak fanatik terhadap salah satu kelompok bahkan dengan pendapat kelompoknya sendiri. Beliau berpolemik dengan orang-orang Muhammadiyah dan Persis meskipun beliau juga anggota dari perserikatan itu. Ini sangat jarang ditemui pada masa ini.²⁸

Menurut Sulidar, 8 tajuk (11%) dari pada senarai karya TM Hasbi Ash Shiddieqy secara keseluruhan berkaitan dengan hadith dan kajian hadith.²⁹ Semasa hidupnya, beliau telah memiliki buku 72 buku dan 50 artikel. Di bidang tafsir, hadith, fiqh dan pedoman ibadah.³⁰

Karya-karya Dalam Bidang Hadith :

1. Koleksi Hadith-Hadith Hukum, PT. al-Ma'arif, Bandung, 1972. Muka surat sebanyak 446.
2. Pokok-Pokok Ilmu Dirayah hadith, Bulan Bintang, Jakarta, 1987. Muka surat sebanyak 411.
3. Kriteria Antara Sunnah Dan Bid'ah.
4. Mutiara Hadith.

²⁷ Sulidar, *T.M Hasbi ash Shiddieqy*, 123

²⁸ Nouruzzaman Shiddiqi, *Fiqh Indonesia Penggagas Dan Gagasannya Biografi Perjuangan Dan Pemikiran Tengku Muhammad Hasby Ash Shiddieqy*, (Yogyakarta : Pustaka Pelajar, 1997) 5.

²⁹ Sulidar, *T.M Hasbi Ash Shiddieqy*, 123

³⁰ Nouruzzaman Shiddiqi, *Fiqh Indonesia*, 13.

5. Problematik Hadith.
6. Sejarah dan Pengantar Ilmu Hadith.

Pemikiran Hasby Ash Shiddieqy Dalam Bidang Hadith

Karya Hasby Ash Shiddieqy, *Sejarah Dan Pengantar Ilmu Hadith* adalah pemikirannya tentang ilmu hadith. Karya ini diterbitkan oleh Bulan Bintang, Jakarta: 1953. Dalam kitab ini, beliau membahaskan tentang riwayat perkembangan dan riwayat pembukuannya dari zaman ke zaman hingga sampai kepada masa terkumpulnya dalam "Dewan-Dewan hadith" yang muktabar. Beliau juga membahaskan bermacam-macam ilmu hadith dan sejarah perkembangannya, selain itu membahaskan juga kedudukan hadith dan sunnah dalam bidang syarī'ah, fungsinya, rutbahnya, manzilahnya dari al-Qur'an. Pembahasan lainnya adalah mengenai ilmu *Muṣṭalah al Ḥadīth*, *sighāh ḥadīth*, sifat-sifat perawi yang diterima dan yang ditolak riwayatnya.

Dalam pemikiran hadith yang beliau tekankan kepada umat masa sekarang adalah hilangkan kata-kata, "Pintu ijtihad telah ditutup" sebab, apabila kata-kata ini telah mendarah daging dengan umat, sementara permasalahan hukum semakin rumit dan ijtihad masa lalu telah tidak lagi cocok untuk dipakai, maka sama artinya Islam kurang universal. Sehingga umat tidak akan dapat memberikan ketetapan hukum yang sesuai dengan zaman dan keadaannya.

Seperti ulama-ulama terdahulu yang tetap menjaga dan menggunakan ijtihad dan menjauhkan dari taqlid dalam menyelesaikan permasalahan hukum yang semakin rumit ini, seperti Ibn Abdil Bār, Ibn Hazm, Ibn Taimiyah, Ibn Qayyīm, Ibn Hajar al-Asqalanī, al-Sayūti, al-Syaukānī, dan Muḥammad Abdūh. Ulama-ulama ini hidup di zamannya masing-masing, sebagai mujaddid pembaharu dari pengertian-pengertian yang sudah tak

terpakai, pencipta hukum yang sesuai dengan kehendak zaman dan ummat, pembimbing rakyat untuk mengikuti al-Qur'an dan Sunnah.³¹

Kematian

Pada tanggal 9 Desember 1975, setelah beberapa hari memasuki persiapan dalam rangka menunaikan ibadah haji, Allah SWT berkehendak lain, beliau berpulang kerahmatullah dan dimakamkan di pemakaman keluarga IAIN Ciputat, Jakarta. Pada upacara pelepasan jenazah almarhum, turut memberi sambutan almarhum Buya Hamka. Naskah terakhir yang beliau selesaikan adalah pedoman haji yang kini telah banyak beredar di masyarakat luas.³²

Setelah salah satu tokoh hadith meninggal semakin banyak penerus yang tetap memperjuangkan disiplin ilmu hadith. Termasuk Prof DR Mahmud Yunus salah satu tokoh yang mampu menyerlah dari Padang, Sumatera.

1.3.2 Prof. DR. Mahmud Yunus (w.1983)

Mahmud Yunus merupakan salah satu seorang dari pada tokoh ulama Indonesia yang berwibawa. Beliau lebih dikenali melalui karya dalam hadithnya yang bertajuk *Muṣṭalah al Hadīth* dan karya dalam bidang tafsir yang bertajuk *Tafsir al- Qur'an al- Karīm* sehingga menjadi rujukan masyarakat di Nusantara. Melalui usaha tersebut secara tidak langsung menunjukkan kewibawaan peribadi beliau selaku salah seorang anak kelahiran Nusantara yang mampu menyerlah di dunia keilmuan Islam khususnya dalam bidang hadith ini.

³¹ Hasby Ash Shiddieqy, "Sejarah Dan Pengantar Ilmu Hadith, (Jakarta: Bulan Bintang, 1954) 126.

³² *Ibid.*, 12.

Mahmud Yunus dilahirkan disebuah desa yang bernama Sungayang, Batusangkar, Sumatera Barat, pada hari Sabtu 10 februari 1899 M bersamaan 30 Ramadhan 1361 H. Beliau berasal daripada keluarga sederhana di mana ayah beliau adalah seorang petani biasa. Namun demikian, bapak beliau merupakan seorang tokoh agama yang cukup mashur ketika itu. Bapak beliau bernama Yunus bin Incek dari suku Mandailing dan menjadi tenaga pengajar atau guru di surau yang diurus beliau sendiri. Ibunya bernama Hafsah bin M Thahir dari suku Chaniago. Moyang beliau dari pihak sebelah ibu, adalah ulama besar di Sanggayang, Barusangkar yang bernama Muhammad Ali atau masyhur dengan gelaran tuanku Kolok.³³

Pendidikan.

Sejak kecil Mahmud Yunus sudah mempunyai minat kepada ilmu pengetahuan agama. Ketika berumur mencacah 7 tahun, beliau belajar membaca al Quran dibawah bimbingan datuk beliau iaitu M. Thahir (Engku Gadang). Setelah tamat pembelajaran al Qur'an, Mahmud Yunus menggantikan datuknya sebagai guru. Pada tahun 1908, Mahmud Yunus memasuki Sekolah Rakyat (SR) dan menuntut sekolah di sekolah tersebut selama tiga tahun. Namun, beliau merasa bosan kerana pelajaran kelas sebelumnya diulang lagi. Pada tanggal 4hb november 1910 beliau memutuskan untuk berpindah ke madrasah di Surau Tanjung Pauh yang bernama Madras School. Guru besar Madras School iaitu H. Mahmud Thaib Umar iaitu seorang tokoh pembaharu Islam di Minangkabau. Sejarah mencatat H. M Umar Thaib amat berpengaruh terhadap pembentukan keilmuan Mahmud Yunus. Melalui karya-karya gurunya itu, Mahmud Yunus dapat mengambil semangat pembaharuan yang dibawanya. Misalnya dalam

³³ Khairudin Mawardi, *Metodologi Mahmud Yunus Dalam Penafsiran Al-Quran Al-Karim*, (Thesis, Akademi Pengajian Islam, jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya, 2009), 70.

karya *al-Munir*,³⁴ ditekankan penguasaan pengetahuan umum serta bahasa Eropa. Karenanya para santri (pelajar) di surau mahupun pesantren (pondok) H. M Umar Thaib diwajibkan mempelajari ilmu agama, bahasa Inggeris mahupun ilmu pengetahuan umum. Dimaksudkan supaya para pelajar dapat juga memanfaatkan ilmu-ilmu tersebut bagi peningkatan kesejahteraan umat dan perkembangan Islam.³⁵

Akan tetapi di tahun 1913, Madrasah School terpaksa ditutup yang disebabkan kekurangan tempat pembelajaran kerana pada masa itu Madras School hanya membuka satu kelas sahaja. Kemudian pada tahun 1917 Mahmud Yunus bersama kawan-kawannya mendirikan kembali dan mengajar di Madras School. Pada tahun 1923 Madras School diubah nama oleh Mahmud Yunus menjadi Diniyah School.³⁶

Berkat ketekunan dan kesungguhan beliau dalam lingkungannya selama empat tahun, Mahmud Yunus telah mampu mengajarkan kitab *Mahallī, Alfiah dan Jawāmi'ul Jawāmi'*. Oleh sebab itu, ketika Syekh H. Thaib Umar jatuh sakit dan berhenti mengajar, maka yang ditunjuk untuk menggantikan beliau adalah Mahmud Yunus.³⁷

Selain sebagai guru, Mahmud Yunus juga melakukan kegiatan-kegiatan penting yang lain seperti mewakili Syekh H. M Thaib Umar (Guru Besar) menghadiri rapat Perhimpunan Besar Alim Ulama seluruh Minangkabau (PBAU) dalam tahun 1919.

³⁴ Majalah *al-Munir* terbit 11-april- 1911, salah satu majalah Islam yang pertama di Indonesia. Akan tetapi majalah *al-Munir* tidak bertahan lama. Edisi 31 januari 1915 adalah terbitan terakhir. Adapun Isi majalah *al-Munir*, antaranya ialah :

- Tentang kebaikan agama Islam dan kemudahan berdasarkan al-Quran dan Hadith
- Ilmu sejati, yang terus bersambung pada juzuk membahas keimanan.
- Beberapa karangan yang berisi pelajaran dan pengetahuan seperti ilmu Falak dan sebagainya.
- Soal jawab tentang masalah agama.
- Perkhabaran tentang kejadian-kejadian dalam negeri dan luar negara, terutama di negara-negara Islam
- Buah fikiran yang mengajak pembaca untuk menggunakan akal dan pemikiran
- Adab dan akhlak yang bersambung tiap juzuk

Membanteras cerita-cerita, khurafat (kepercayaan yang karut) dan bid'ah (pembaharuan, terutama dalam Islam, ada yang bercanggah dengan Islam) dalam agama. Lihat Khairuddin Bin Mawardi, *Metodologi Mahmud Yunus*, 74.

³⁵ "Biografi Mahmud Yunus", laman sesawang *luluvukar*, dicapai 27 Desember 2012, www.luluvukar.wordpress.com 27/2/2010

³⁶ Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*, (Jakarta : Pustaka Mahmudiah, 1960), 54.

³⁷ Khairuddin Bin Mawardi, *Metodologi Mahmud Yunus*, 74.

Pada rapat itu diputuskan untuk mendirikan Persatuan Guru-Guru Agama Islam (PGAI)³⁸ dan Mahmud Yunus menjadi salah satu anggotanya. Pada tahun 1920 H perkumpulan ini telah menerbitkan majalah Islam *al Basyīr* di bawah pimpinan Mahmud Yunus.³⁹

Pada bulan mac 1923, Mahmud Yunus menunaikan ibadah haji melalui Pulau Penang, Malaysia. Setelah menunaikan ibadah haji, beliau meneruskan pembelajaran ke Mesir dengan memulakan pengajian beliau di al-Azhar dalam tahun 1924 dan di Dār ‘Ulūm Kaherah sehingga tahun 1930. Di al-Azhar Mahmud Yunus Mempelajari ilmu *Uṣūl fiqh*, ilmu tafsir, fiqh hanafi, ilmu hadith dan sebagainya. Beliau Berjaya mendapatkan “*Shahadah ‘Alimiyyah*” dari al Azhar dan menjadi orang Indonesia kedua yang memperoleh gelaran itu. Selain berjaya di al-Azhar, pada tahun 1930 setelah mengambil *taḥassūs tadrīs*. Beliau berjaya memperoleh “Ijazah Tadris” dari perguruan Dār al Ulūm Kaherah. Mahmud Yunus tercatat sebagai orang Indonesia pertama yang memasuki pengajian ini.⁴⁰

Kuliah Mahmud Yunus berakhir dengan lancar. Beliau mendapat ijazah diploma guru dengan kepakaran dalam bidang ilmu pendidikan. Setelah itu, dia kembali ke kampung halamannya di Sungayang Batusangkar. Gerakan pembaruan di Minangkabau saat itu makin berkembang. Ini membuatkan Mahmud Yunus merasa gembira sehingga beliau mendirikan dua lembaga pendidikan Islam, tahun 1931, yakni *al-Jāmi’ah Islāmiyyah* di Sungayang dan Normal Islam di Padang. Di kedua lembaga inilah beliau menerapkan pengetahuan dan pengalaman yang didapatnya di Dār al-Ulūm, Kairo.

³⁸ Persatuan guru-guru Agama Islam PGAI adalah organisasi kaum muda yang berfikiran moden untuk mengembangkan pendidikan di Sumatera Barat.

³⁹ Khairuddin, *Metodologi Mahmud Yunus*, 72.

⁴⁰ *Ibid.*

Murid-murid Mahmud yang terkenal seperti K.H Imam Zarkasyi⁴¹ dan H. Oemar Bakry⁴² ialah alumni dari Normal Islam setelah itu Mahmud Yunus mendirikan Sekolah Thawalib, Padang.⁴³

Kerjaya sebagai guru semenjak masih menjadi pelajar di Surau Tanjung Pauh sudah beliau laksanakan. Kemampuan menjadi guru tersebut lebih mendalam ketika ia kembali dari Mesir. Dan juga Mahmud Yunus mengajar dan memimpin berbagai sekolah, yakni pada *al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah* Batusangkar (1931-1932), *Kulliyatu Mu'allimīn al Islāmiyyah* Normal Islam Padang (1932-1946), Akademi Pamong Praja di Bukit Tinggi (1948-1949), Akademi Dinas Ilmu Agama (ADIA) Jakarta (1957-1980), menjadi Dekan dan Guru Besar pada Fakultas Tarbiyah IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta (1960-1963), Rektor IAIN Imam Bonjol Padang (1966-1071). Atas jasa-jasanya dibidang pendidikan ini, pada 15 Oktober 1977, IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta memberikan penghargaan Mahmud Yunus Doctor Honoris Causa (HC) dalam Ilmu Tarbiyah.⁴⁴ Dalam kerjaya, Mahmud Yunus juga pernah memimpin Normal Islam selama 11 tahun, mulai 1931-1938 dan 1942 -1946. Pada tahun 30-an, Mahmud Yunus juga aktif di Organisasi Islam antara lain menjadi salah satu anggota Minangkabau Raad- sebuah dewan perwakilan yang ada di Sumatera sahaja. Tahun 1943 dipilih

⁴¹ K.H Imam Zarkasyi, adalah seorang ulama dan tokoh pesantren (Pondok Modern Darusalam Gontor) yang cukup berpengaruh di dunia pendidikan Islam di Indonesia. lahir 21 mac 1910 di Desa Gontor. Di Padang Panjang, sekolah yang pertama di masuki beliau adalah Sumatera Thawalib School. Dari Ustaz Mahmud Yunus, Imam Zarkasyi mempelajari beberapa ilmu, khususnya bahasa arab. beliau menemukan cara dan kaedah baru baru dalam mengajar bahasa arab/inggris yang benar. K.H Imam zarkasyi telah Berjaya melahirkan tokoh-tokoh besar, seperti anggota parlemen, anggota konstituante bahkan timbalan perdana menteri. Antara mereka iaitu Idham Khalid, Nurchalis Madjid, Hidayat Nur Wahid, Hasyim Muzadi, Din Syamsudin dan lain sebagainya. Lihat Khairuddin bin Mawardi, *Metodologi Mahmud Yunus*, 75.

⁴² H. Oemar Bakry adalah seorang tokoh ulama di Nusantara. Beliau lahir pada tahun 26 jun 1916 di Desa Kacang di pinggir Danau Singkarak, Sumatera Barat. Beliau meneruskan pelajaran di sekolah Thawalib pada tahun 1932. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran *Kulliyatu al-Mu'allimīn al-Islāmiyyah* Padang dan lulus pada tahun 1936 dengan kelulusan cemerlang. H. Oemar bakry pernah memberi ceramah di University al-Azhar pada 21 november 1983 dengan tajuk “ *Tafsir Rahmat dalam Tafsir di Indonesia* ”. Lihat Khairuddin Bin Mawardi, “*Metodologi Mahmud Yunus*”, 76.

⁴³ “Prof. Mahmud Yunus Pembaharu Pengajaran Bahasa Arab ”, laman sesawang *republika*, dicapai 27 march 2013, www.koran.republika.co.id

⁴⁴ Harry Muhammad et al., *Tokoh-Tokoh Islam Yang Paling Berpengaruh Di Abad 20*, (Jakarta : Gema Insani, 2006), 90.

menjadi Penasehat Residen mewakili Majelis Islam Tinggi. Demikian pula di kementerian agama yakni dengan menjabat sebagai Kepala Penghubung Pendidikan Agama.⁴⁵

Mahmud Yunus juga sebagai tokoh profilik. Banyak karya tulis yang telah dihasilkan dalam berbagai bidang ilmu agama Islam, terutama pendidikan Islam disamping bidang hadith banyak lagi bidang-bidang lain seperti bahasa, sejarah, tauhid akidah, hukum, dan peribadatan, tafsir, hadith, perbandingan agama, yang ia tulis dalam bahasa Indonesia dan bahasa Arab. Pandangan terpenting tentang metode mengajar adalah “Metode itu lebih penting daripada pengajaran”.

Drs Shalahuddin Hamid dan Drs. Iskandar Ahza dalam buku *Seratus Tokoh Paling Berpengaruh Di Indonesia* menyebutkan bahawa, Mahmud Yunus menghasilkan tidak kurang daripada 49 buah karya berbahasa Indonesia dan 26 buah karya berbahasa Arab.⁴⁶ Daripada keseluruhan karyanya, jelas menggambarkan bahawa Mahmud Yunus adalah seorang penulis dan pengarang yang produktif dan seorang tokoh yang menguasai pelbagai bidang keilmuan khususnya keilmuan Islam.

Sumbangan Dalam Bidang Hadith

Mahmud Yunus mempunyai karya dalam bidang Hadith iaitu *Muṣṭalah al Ḥadīth*.⁴⁷ Mahmud Yunus menuliskan karya ini bersama H. Mahmud Aziz. Meskipun hanya satu karya penulisan dalam bidang hadith akan tetapi beliau salah satu karya tersulung di Sumatera yang diterbitkan pada tahun 1958. Banyak yang menggunakan kitab ini sebagai bahan ajaran di pondok-pondok khususnya di Padang, Sumatera. Kitab ini membahaskan ilmu *muṣṭalah al ḥadīth* secara ringkas yang didahulukan dengan

⁴⁵ “Biografi Mahmud Yunus”, laman sesawang *kabaimatar*, dicapai 27 Desember 2012, <http://kabaimatar.blogspot.com/2008/10/biografi-mahmud-yunus.html>

⁴⁶ Shalahuddin Hamid, Drs *et al*, *Seratus Tokoh Paling Berpengaruh Di Indonesia*, (Jakarta : P.T Intimedia Cipta Nusantara, 2003), 392.

⁴⁷ Khairuddin bin Mawardi, *Metodologi Mahmud Yunus*, 86-89.

pengertian umum *muṣṭalaḥ al ḥadīth*, syarat-syarat bagi seorang perawi dalam meriwayatkan hadith, perbahasan mengenai sanad, tingkatan kitab-kitab hadith, perbahasan mengenai kitab-kitab hadith dan diakhiri dengan sejarah ringkas ahli hadith yang masyhur serta daftar *muḥaddithīn*. Kitab ini secara rumusnya, lebih menitik beratkan kepada perbahasan mengenai pembahagian hadith iaitu yang dibahagikan 57 bahagian. Kitab ini telah disusun dalam 11 pasal.⁴⁸

Selain menuliskan karya, Mahmud Yunus mengembangkan ilmu hadith di Institusi pendidikan formal. Dalam perkembangannya pengajaran hadith di Indonesia bermula sebelum tertubuhnya Perguruan Tinggi Agama Islam (PTAI)⁴⁹ sudah dipelajari. Secara umumnya ia dilaksanakan di lembaga-lembaga Islam formal atau non formal yang sudah wujud pada masa itu seperti pondok pesantren atau madrasah, juga yang berbentuk non formal, seperti di masjid dan surau “langgar”. Contohnya adalah seperti *al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah* yang didirikan oleh Mahmud Yunus tahun 1931. Ini awal dimulainya pengajaran hadith secara formal. Beliau memberikan mata pelajaran Hadith dan Ilmu Hadith (*Muṣṭalaḥ al Ḥadīth*), bermula pada kelas satu hingga kelas empat. Dengan tujuan untuk memberi pengenalan awal dan pendedahan kepada masyarakat Islam mengenai hadith-hadith Nabi SAW.⁵⁰

Mahmud Yunus berkomitmen tinggi dalam memperjuangkan kemasukan pendidikan Islam ke sekolah umum khususnya ilmu hadith. Tambah lagi, beliau merupakan dari pada kalangan pengasas awal dalam usaha penubuhan Perguruan Tinggi

⁴⁸ H. Mahmud Aziz dan Mahmud Yunus, *Ilmu Muṣṭalaḥ al Ḥadīth*, cet. 3, (Jakarta: Penerbit Djajamurni, 1958)

⁴⁹ Perguruan Tinggi Agama Islam di Indonesia baru bermula pada tahun 1940 di Padang, Sumatera barat pada tarikh 9 Disember 1940 yang diasaskan oleh Persatuan Guru-Guru Agama Islam (PGAI). Menurut Mahmud Yunus, perguruan tinggi ini adalah yang pertama di Sumatera barat bahkan di Indonesia. Pendidikan disini terdiri dari dua fakulti iaitu fakulti syariah dan fakulti pendidikan bahasa arab. Adapun Perguruan Tinggi Agama Islam Negeri (PTAIN) mula diformalkan melalui peraturan pemerintah Nombor 34 tahun 1950, dan mula beroperasi pada tahun 1952. Institusi ini yang belakangan tersohor kerana sudah di negerikan dengan nama Institut Agama Islam Negeri (IAIN) berubah menjadi Universitas Islam Negeri (UIN) Lihat Sulidar, *Ketokohan T.M. Hasbi Ash-hiddieqy Dan Sumbangan Pemikirannya Dalam Pengajian Hadith Riwayah Dan Dirayah Di Indonesia*, (Thesis, Jabatan Al-Quran dan al Hadith Akademi Pengajian Islam Univeristi Malaya, 2009), 26.

⁵⁰ Khairuddin Mawardi, *Metodologi Mahmud Yunus*, 80.

Agama Islam Negeri (PTAIN).⁵¹ Sehingga masuklah pengajian hadith secara formal dan berlaku hingga sekarang.

Disinilah Mahmud Yunus merupakan salah satu seorang dari pada tokoh ulama Indonesia yang berwibawa. Melalui usaha tersebut secara tidak langsung menunjukkan kewibawaan pribadi beliau selaku salah seorang anak kelahiran Nusantara yang mampu menyerlah di dunia keilmuan Islam khususnya dalam bidang hadith ini.

Kematian

Pada awal tahun 1970 kesihatannya Mahmud Yunus mulai menurun dan beliau berulang alik ke Rumah Sakit. Ditengah melawan sakitnya, pada tahun 1982 beliau memperoleh gelar Doctor Honoris Causa di bidang Ilmu Tarbiyah dari IAIN Jakarta atas jasa beliau dalam pengembangan pendidikan Islam di Indonesia.

Akhirnya pada 16 Januari 1983, dalam Usia 83 Mahmud Yunus berpulang ke Rahmatullāh dikediamannya, Kelurahan Kebon Kosong, Kemayoran Jakarta Pusat. Sehari kemudian ia dimakamkan di pemakaman IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta.⁵²

Selanjutnya setelah meninggalnya beliau muncullah tokoh hadith lainnya iaitu Syeikh Yasin al-Fadāni.

1.3.3 Syeikh Yasīn al-Fadāni (m.1990)

Nama Lengkap Syeikh Yasīn al-Fadāni iaitu Abū Muḥammad Yasīn bin Muḥammad Isa bin Udīq al-Fadāni al-Andūnīsī al-Makkī.⁵³ Dalam beberapa literatur,

⁵¹ *Ibid*

⁵² *Ibid*, 90.

⁵³ Kenyataan ini disebut oleh Yasin al Fadāni dalam muqaddimah kitabnya. Rujuk selengkapnya Yasin al Fadāni, *al Arba'ūn al Buldaniyyah: Arba'ūn Hadīthan 'An Arba'īn Shaykhan Min Arba'īn Baladan*, Cet 2. (Beirut : Dār Bashā'ir al Islāmiyyah, 1407 H/1987 M), 3. dan Yasin al Fadāni, *al Arba'ūn Hadīthan min Arba'īn Kitāban 'An Arba'īn Shaykhān*, (Beirut : Dār Basha'ir al-Islāmīyyah, 1429 H/2008 M), 3.

beliau sering menyebut dirinya sebagai Abū al Fayd ‘Alam al-Dīn Muḥammad Yasin Bin Muhammad Isa al-Fadāni al-Andūnīsī al-Makki.⁵⁴ Pada tempat lain, Beliau memperkenalkan dirinya dengan ‘Alam al-Dīn Abū Muḥammad wa Abū al-Fayd Muḥammad Yasīn bin Muḥammad Isā al Fadāni al-Makkī.⁵⁵

Syeikh Yasīn al-Fadāni merupakan salah seorang tokoh ilmuan Melayu yang banyak membaktikan diri dalam pengajaran dan penghasilan karya. Justeru kepakarannya di bidang hadith amat menonjol dan terserlah. Beliau merupakan tokoh ulama yang berasal dari pada Padang, Sumatera Barat, Indonesia.

Kelahiran beliau diputerakan di Kampung Misfalah, Mekkah, Arab Saudi. Sementara tarikh kelahirannya terdapat dua pendapat. Pertama, dikatakan bahawa beliau diputerakan pada tahun 1335 H⁵⁶ bersamaan dengan tahun 1916 M.⁵⁷ Kedua, dinyatakan bahawa beliau lahir pada hari Selasa, 27 Sya’ban 1337 H⁵⁸ bersamaan 27 Mei 1919 M.⁵⁹

Muhammad Yasīn al-Fadāni tumbuh membesar dalam lingkungan keluarga ulama yang penuh dengan suasana ilmu pengetahuan. Pada peringkat awal beliau mendapat pendidikan langsung dari ayahnya sendiri, Sheikh Muhammad Isa bin Udūq al Fadāni dan ibunya Maymunah binti Abdullāh Fadan.⁶⁰

⁵⁴ Yasin al Fadani, *Husn al Siyāghah Sharḥ Durūs al Balāghah*. (Pulau Pinang : Maktabah wa al Matba’ah al Ḥājj Abdullāh bin Muhammad Nūr al Dīn ar Rāwa, t.t.) dan Yasin al Fadāni, *Thabt al Kazbari; Ittihāf al Ṭālib al Sarri bi Asānid al Wajīh al Kazbāri*. (Damsyīq : Dār al Bashāir, 1403 H/1983 M), 8; Yasin al Fadani, *Ittihāf al Barārah bi Asānid al Kutūb al Ḥadīthiyyah al Ashārah*, Cet. 2. (Damsyīq: Dār al Bashā’ir, 1403 H/ 1983 M), 7.

⁵⁵ Yasin Al fadani, *Al fayd al Rahmani ni Ijāzah fadilha al Syaikh Muḥammad Taqiy al Uthmāni*, (Beirut: Dār Bashāir al Islāmiyyah, 1406 H/1999M), 88.

⁵⁶ Bassām ‘Abd al Wahhab al Jābi tahun 1402 H/1982 M dalam muqaddimah kitab Yasīn al-Fadāni, *Thabt al Kazburi*, 9. Baca juga Shaikh Ramzi Sa’ad al Dīn dalam muqoddimah kitab Yasin al Fadāni, *al Fawāid al janiyyah: Hashiyah al Mawāhib al Saniyyah Sharh al Farāid al Bahiyyah fi Nazm al Qawāid al Fiqhiyyah*, juz 1. (Beirut: Dār al Bashāir al Islamiyyah, 1417 H/1996 M), 37.

⁵⁷ Raja Haron Muhammad, *Jadwal Tarikh, Bulan Dan Tahun Hijri-Masihi*, jil 15. (Kuala Lumpur: Persatuan Pengakajian Khazanah Klasik Nusantara dan Khazanah Fathaniyah, 1422 H/2011 M), 69.

⁵⁸ Pendapat Sayyid Ahmad Sayyid Ahmad Yusuf ini di kemukakan pada tahun 1380 H/1960 M. Baca pengantarnya dalam Yasin al-Fadani, *Fayd al Khabir wa khulashah al Taqirir ‘ala Nahj al Taysir: Syarh Manzumah al Tafsir*. (Mesir: Matba’ah al Fijālah al-Jadīdah, t.t.) 69.

⁵⁹ Raja Haron, *Jadwal Tarikh*, 74.

⁶⁰ Yasīn al-Fadāni, *al Fawaid al Janiyya*, 37.

Masa kanak-kanak memulakan pendidikan beliau dengan belajar dan menghafaz al-Quran serta belajar ilmu alat. Beliau adalah anak yang cerdas lagi berbakat. Madrasah Sawlatiyah al-Hindiyyah⁶¹ adalah tempat beliau memulai pendidikan formalnya ketika usia lapan tahun, iaitu sekitar tahun 1346 H/1927 M.

Beliau merupakan kalangan ulama besar yang pernah mendapat pendidikan di Madrasah Saulatiyyah. Beliau merupakan pencetus idea penubuhan Madrasah Dār al-‘Ulūm sekaligus menjadi murid pertama madrasah itu. Antara sebab tercetusnya idea untuk membangunkan Madrasah tersebut disebabkan tindakan dan perlakuan mudir Madrasah Saulatiyyah yang gemar menyinggung perasaan pelajar yang kebanyakan mereka ketika itu dari Asia Tenggara. Hal ini terbukti dengan berpindahannya 120 orang pelajar dari Saulatiyyah ke Madrasah Dar al-‘Ulum yang baru didirikan. Situasi seumpama ini hampir tidak pernah berlaku di madrasah-madrasah yang baru dibuka sebelumnya sehingga Dar al-‘Ulum mendapat murid yang begitu ramai⁶²

Guru-guru beliau Syeikh Yasīn al-Fadani mempunyai bilangan guru yang sangat ramai, antaranya ialah Syeikh ‘Umar Hamdan al- Mahrisī, Syeikh Muhammad ‘Ali bin Husayn al-Malikī, Syeikh ‘Umar Ba-Junayd, Mufti Syafi’iyyah Makkah, Syeikh Sa’id bin Muhammad al-Yamani, dan Syeikh Hassan al-Yamani. Beliau juga menimba ilmu dari Syeikh Muhsīn bin ‘Ali al-Musa wa al-Falimbani (ulama keturunan Palembang yang tinggal di Mekah).⁶³

⁶¹ Madrasah Sawlatiyah al Hindiyyah merupakan sekolah agama swasta yang paling ulung di kota Makkah. Penubuhan awal madrasah ini diketuai oleh seorang ulama India iaitu syeikh Rahmatullah bin Khalil al Hindi. Sekolah ini berisitim Klasikal. Bangunan sekolah berkenaan di bina di atas wakaf seorang perempuan kaya yang terkenal dermawan, iaitu Sawlah al-Nisa. Sheikh Rahmatullah mula meletakkan batu asas bagi pembangunan madrasah tersebut pada 15 sha’ban 1290 H bersamaan 8 oktober 1873 M. Sekolah ini mula beroperasi dan menerima pelajar pada tahun 1293 H/1874 M. Syeikh Rahmatullah menamakannya dengan madrasah Sawlatiyah sebagai kenangan bagi Sawlah al Nisa. Lihat Ahmad Fahmi Zamzam, *Sayyid Muhammad bin Alawi al Maliki al Hasani: Sejarah Hidup dan dasar-dasar pemikirannya*, (Kedah: Khazanah Banjariyah, 2005), 33-34.

⁶² Mohd Hafidz bin soroni dan Mohd Norzi bin Nasir, *Syeikh Muhammad Yasin Al Fadani Dan Ketokohnya Dalam Ilmu Riwayat Dan Dirayah*, (Seminar Serantau Ilmuan Hadith Dalam Peradaban di Alam Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 25- Oktober-2010).

⁶³ *Ibid.*

Murid-murid Syeikh Yasīn al-Fadāni yang mengambil sanad dari beliau amat ramai jumlahnya. Di antara mereka adalah al-Habīb ‘Umar bin Muhammad (Yaman), Syeikh Muhammad ‘Alī al-Ṣābūnī (Syam), Dr. Muhammad Hasan al-Dimasyqī, Dr. ‘Alī Jum‘ah (Mufti Mesir), Syeikh ‘Ismail Zayn al-Yamani, Syeikh Hasan Qatirjī, H. M. Zaini Abdūl Ghāni (Kalimantan), Tuan Guru Haji Abdullah bin Abdul Rahman (Pondok Lubuk Tapah, Kelantan), Tuan Guru Haji Hashim bin Haji Abu Bakar (Pondok Pasir Tumboh, Kelantan), Syeikh Muhammad Nuruddin Marbu al-Banjari al-Makki (Maahad Az Zein, Bogor).⁶⁴

Sumbangan Dalam Bidang Hadith

Dalam bidang ilmu Riwayah Hadith, Syeikh Yasīn al-Fadāni telah menghasilkan sekitar 70 buah karya yang akan dibincangkan di dalam tulisan ini. Manakala dalam ilmu dirayah hadith pula, beliau telah menghasilkan beberapa buah kitab yang sebahagiannya agak besar dan berjilid-jilid, iaitu;

١ - الدر المنضود شرح سنن أبي داود

٢ - فتح العلام شرح بلوغ المرام من أدلة الأحكام لابن حجر العسقلاني - في ٤ أجزاء.

٣ - شرح الجواهر الثمين في أربعين حديثاً من أحاديث سيد المرسلين للعجلوني

٤ - شرح المسلسل بالعترة الطاهرة

Namun sayangnya, kitab syarh beliau *al-Dūrr al-Mandūd*, yang dikatakan setebal 20 jilid telah hilang semasa hayat beliau lagi. Menurut Syeikh Mahmud Sa’id

⁶⁴ *Ibid.*

Mamduh dalam *Tasnīf al-Asmā' bi Syuyūkh al-Ijāzah wa al-Samā'*: “Saya pernah melihat sebahagian daripadanya di dalam perpustakaan beliau”.⁶⁵

Syeikh Yasin wafat pada pagi hari Jumaat, 28 Zul Hijjah 1410 H bersamaan 21 Julai 1990 M, dan dimakamkan selepas solat Juma'at di permakaman Ma'la, Makkah.⁹

Kemahiran dan keilmuan Yasīn al-Fadani dalam ilmu hadīth merupakan hasil dari pemikiran dan pemahaman yang mendalam. Pelbagai disiplin ilmunya dalam (*Naqd al-Ḥadīth, al-Jarh, Ruwāt al-Ḥadīth, 'ilal al-Ḥadīth, Fiqh al-Ḥadīth*) dan bukan dari kejumudan pemikiran dan pemahaman terhadap *turath*, ataupun hanya mendepankan pendapat manusia semata-mata sebagai rujukan dan panduan dengan mengabaikan dua sumber utama umat Islam iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Usaha yang disumbangkan oleh Yasīn al-Fadani dan para ulama lain melalui karya-karya agong mereka secara tidak langsung adalah bukti kepada usaha mereka mempertahankan kredibiliti Rasulullah s.a.w sebagai penyampai wahyu Allah melalui lidah, perbuatan dan pengakuan baginda.⁶⁶

1.3.4 Syeikh Mawardi (m.1994)

Perannya dalam dunia pendidikan Islam tidak dapat dinafikan. Namun kajian ilmiah terhadap biografi dan kiprahnya tidak banyak dilakukan sebagaimana tokoh besar Minang lainnya. Justeru, acapkali orang menduga bahawa yang dimaksud dengan Buya Mawardi itu ialah Mawardi Labay el-Sulṭānī, pemilik al-Mawardī Prima di Jakarta atau 'Ali Muhammad al-Mawardi, pengarang *al-Ahkām al-Sulṭānīyah* yang tersohor itu. Padahal bukan mereka. Melainkan ianya Buya Haji Mawardi Muhammad, seorang tokoh pendidik, ulama hadīth terkemuka dan penulis produktif di zaman serba susah.

⁶⁵ *Ibid.*, 8.

⁶⁶ *Ibid.*, 6.

Ulama besar ini dilahirkan di Bulan Kamba, Kubang Putih pada hari Jumaat, 10 Oktober 1913 Hijrah bersamaan 9 Zulkaedah 1331 Masihi. Beliau adalah anak sulung dari empat bersaudara, Syamsu, Husainah dan Jalisah. Ayahnya, Muhammad berasal dari suku Salayan Chaniago, merupakan seorang saudagar kain di Bukittinggi. Ibunya, Khuzaimah berasal dari suku Simabur, merupakan seorang ibu suri rumah. Keduanya berasal dari daerah yang sekarang dikenali sebagai Bulaan Kamba, Nagari Kubang Putih, Kecamatan Banuhampu, Kabupaten Agam, Sumatera Barat.⁶⁷

Buya Haji Mawardi telah melalui pendidikan dasar dan menengah di Sekolah Rakyat Agam I Bukittinggi dan Vrobel School (1919); Sekolah Rakyat di Pakan Ahad Kubang Putih (1920-1921); Gouvernement School (1922-1925); Madrasah Diniyah Bulaan Kamba (1922-1924); Kelas III Thawalib School dan Diniyah School Padang Panjang (1925-1926); Madrasah Diniyah Bulaan Kamba (1926); Kelas IV Sumatera Thawalib Parabek (1927); Kelas V-VI Thawalib School dan Diniyah School Padang Panjang (1928-1930). Selain pendidikan formal, beliau juga menjadi pengikut Hambali Syarkawi (1990), Buya Haji Mawardi juga berkesempatan mengikuti beberapa kursus, diantaranya kursus bahasa Belanda (1936) dan bahasa Inggeris (1938).⁶⁸

Guru-guru Buya Haji Mawardi yang terkenal antara lain ialah Syeikh Dr Abdul Karim Amrullah, Syeikh Ibrahim Musa Parabek, Engku Mudo Abdul Hamid Hakim, Prof . KH. Zainal Abidin Ahmad, Buya Ahmad Syukur Sulaiman, Buya Duski Samad, Buya Labai Khatib, dan masih banyak lagi. Meskipun tidak belajar secara langsung ke Tanah Arab, namun riwayat keilmuan beliau tetap berhubungan dengan ulama Haramain. Jaringan keilmuan beliau terhubung melalui gurunya Inyiek Dr dan Syeikh Ibrahim Musa. Kerana itu, bila dikaji secara seksama, beliau memiliki kapasiti ilmiah yang menyerlah. Sebagaimana dua orang gurunya yang juga menamatkan pengajiannya

⁶⁷ Jannatul H Anuar, “*Mengenang Buya Haji Mawardi Muhammad*”, Haluan, 26 September 2012, 7

⁶⁸ *Ibid.*

dalam Negara sendiri iaitu Engku Mudo dan Zainal Abidin Ahmad yang telah menuliskan karya-karya besar dalam bidang fikih dan usul fiqh berbahasa Arab serta ilmu tata negara dalam Islam, maka beliau turut melahirkan puluhan karya berbahasa Arab, utamanya dalam bidang hadith.⁶⁹

Di antara karya-karya beliau itu ialah *Risalah Cara Puasa Nabi Muhammad* (1934); *Hidayah al-Bāḥiṭh fi Mustālah al-Ḥadīth* (1936); *Jawāhir al-Aḥādīth al-Nabawiyah* (1937); *al-‘Arūd al-Wadiḥah* (1939); *al-Uṣūl al-Nahwiyyah* (1942); *Sabilal-Zarf fi ‘Ilm al-Sarf* (1947); *al-Aḥādīth al-Mukhtarah*, juz 1-3 (1951); *Ilmu Mustālah al-Ḥadīth* (1957); *‘Ilm al-Tafsīr* (1966); *al-Āhadīth al-Mukhtarah wa Sharḥuha*, juz 3-6 (1970); *Ilmu Farāīd-Fiqhi Mawārīth* (1982); *Fi Ma’rifah al-Faṣāḥah wa al-Balaghah*; dan *Ma’āni al-Ḥadīth*.⁷⁰

Melihat karya-karya di atas, dapat disarikan bahawa Buya Mawardi memiliki ilmu alat yang sangat baik, sehingga beliau dapat melahirkan khazanah yang sedemikian rupa. Bagi beliau, seperti bahasa tidak cukup untuk dituturkan, melainkan ianya mesti menjadi sarana untuk mempelajari khazanah Islam lalu menuliskannya kembali dengan bahasa yang ringan.

Selain aktiviti menulis, beliau juga bekerja sebagai pensyarah pada beberapa perguruan tinggi. Meskipun pernah menjadi Pegawai Negeri Sipil (1950-1957), justeru beliau tidak pernah meninggalkan Perguruan Thawalib sejak menjadi guru (1931) di bekas kampusnya itu, lebih-lebih setelah diangkat menjadi pimpinan (1959), hingga ke ujung hayatnya. Membangun pendidikan pada zaman perang dan pergolakan bukanlah perkara mudah. Apatah lagi dengan fasiliti yang serba kekurangan. Seringkali kegiatan belajar terhenti kerana harus mengungsi, menghadapi penjajah-kolonial dan sebagainya.

⁶⁹ *Ibid.*

⁷⁰ *Ibid.*

Usahanya dalam memajukan IAIN Imam Bonjol, semenjak Perguruan Tinggi Agama Islam (PTAI) tersebut ditubuhkan, hampir setiap Fakulti di Institusi Pendidikan Tinggi Islam tersebut pernah beliau singgahi untuk mengajar. Sebutlah Fakulti Dakwah, Tarbiyah, Syariah maupun Usuluddin. Bahkan beliau pernah menjawat jawatan sebagai Naib Dekan Tarbiyah (1965-1966) pada masa-masa pergantian pemerintahan Indonesia dari orde lama kepada orde baru. Dan masih banyak lagi bentuk aktiviti-aktiviti yang berkiatan dengan umat dan keislaman semasa hidupnya. Sebagai pendidik diseluruh perguruan, beliau mempunyai murid-murid yang ramai. Antaranya yang terkenal ialah Prof. Dr. Ali Hasjmi, Prof. Dr. Mansur Malik, Prof. Dr. Amir Syarifuddin, Prof. Dr. Duski Samad, Prof. Dr. Tamrin Kamal, Prof. Dr. Edi Safri, Prof. Dr. Sirajuddin Zar, Prof. Dr. Kurnia Ilahi, Prof. Dr. Rifyal Ka'bah, Prof. Dr. Syaifullah SA, Dr. Buchari Mukhtar, Dr. Sabiruddin Juli, Dr. Syari Sumin, Ustaz Haji Oemar Bakry (Penulis Tafsir Rahmat), H.S.M Nasaruddin Latif (Bapak BP4 Indonesia), Dahlan Ibrahim (Menteri Negara Urusan Veteran Kabinet Ali Sastromijoyo II, 1956-1957).⁷¹

Sumbangannya Dalam Bidang Hadith:

Buya Mawardi dianggap sebagai salah satu penulis yang produktif. Beliau mempunyai ingatan yang kuat dan rajin mengulang kaji. Sumbangan beliau dalam bidang hadith dengan banyaknya karya-karya penulisan dibidang ini, apatah lagi dalam penyusunannya menggunakan bahasa Arab. Diantara kitab-kitab beliau itu ialah :

- a. *al-Aḥādīth al-Mukhtarah*, juz. 1. Judulnya membawa maksud kepada “Hadith-hadith Pilihan”. Ditulis dalam bahasa Arab, mengandungi 19 muka surat yang merangkumi 40 hadith yang dimulai dengan hadith “*al-tafakkur fi al-khalāq*” dan disudahi dengan tajuk “*al-hayā’ wa aṭarūf*”. Tiada dipaparkan secara tegas perihal riwayat penyusunannya. Ianya diterbitkan oleh Percetakan Sridharma di

⁷¹ *Ibid.*

Padang, tanpa menyebutkan tahun. Adapun yang menjadi rujukan penulis ketika ini ialah edisi kedua, tanpa tahun.

- b. *al-Aḥādīth al-Mukhtarah*, juz. 2. Diterbitkan di Padang oleh Percetakan Sridharma, tanpa menyebutkan tarikh. Dalam cetakan kedua, buku berbahasa Arab ini mengandungi 21 muka surat, merangkumi 40 hadith yang dimulai dengan hadith “*al-kufr bi tarki al-ṣalah*” dan diakhiri dengan hadith “*al-jahr bi al-ḥāqq*”. Sejarah awal dan akhir penyusunan tidak diketahui.
- c. *al-Aḥādīth al-Mukhtarah*, juz. 3. Inilah satu lagi kitab hadith empat puluh Buya Mawardi. Arba’in Mawardi juzuk ketiga ini juga dicetak di Padang oleh Percetakan Sridharma, tanpa tahun. Buku ini mengandungi 21 muka surat dengan hadith pertama iaitu “*al-mudawamah ‘ala al-‘amal*” dan diakhiri dengan “*al-haya’ min al-iman*”. Ketiga buku hadith empat puluh di atas ini disusun berdasarkan kepada tajuk-tajuk tertentu, dengan memberikan sentuhan penjelasan kepada lafaz-lafaz gharib. Contohnya seperti berikut:⁷²

كفالة اليتيم

۳۳ - عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :

أَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ فِي الْجَنَّةِ هَكَذَا، وَأَشَارَ بِأَصْبُعَيْهِ السَّبَابَةِ وَالْوَسْطَى .

(رواه البخارى ومسلم.)

⁷² كافل اليتيم: مربيه الذي يقوم بشؤونه ويدبر مصالحه⁷³

Terjemahan : Pengasuh Anak Yatim

⁷² Jannatul husna dan Fauzi Deraman, *Buya Mawardi Khidmatnya Terhadap Sunnah Nabi*” dalam Khader ahmad, et. Al (eds), *Transformasi Penyelidikan Dalam Bidang Pengajian Islam*, (Kuala Lumpur: Bahagian Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam, Univeristi Malaya, 2012) 81-94.

⁷³ Buya Mawardi, *al Ḥādīth al Mukhtarah*, cet 2, (Padang: Percetakan sridarma, t.t.), jilid 1, 15.

33. Dari Sahl bin Sa'ad r.a, dari Nabi s.a.w., beliau bersabda: saya dan pengasuh anak yatim di syurga seperti ini. Lalu beliau memberi isyarat dengan jari telunjuk dan jari tengahnya. HR. Bukhari dan Muslim.

Pengasuh anak yatim: orang yang mendidik, memenuhi aneka hajat yatim, dan mentadbir hal ehwal kebajikan mereka.

- d. *al-Aḥādīth al-Mukhtarah wa Sharḥuha*, juz. 3. Hadith-hadith Pilihan dan Syarahnya ini ditulis dalam bahasa Arab. Buku yang dicetak oleh Sa'adiyah Putra di Padang Panjang ini mengandungi 32 halaman yang merangkumi ulasan ringkas terhadap 21 hadith, yang dimulai dengan hadith "*al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar wa 'iqāb tarkīha*" dan diakhiri dengan "*al-mu'min al-qawīy*". Karya yang sedang disediakan bagi tingkatan III MTsN atau PGAN sedarjat ini tiada diketahui riwayat penulisannya.
- e. *al-Aḥādīth al-Mukhtarah wa Sharḥuha*, juz. 4. Buku hadith dengan ketebalan 32 muka surat ini merangkumi syarahan terhadap 20 hadith pilihan. Ianya dicetak di Padang Panjang oleh Penerbit Sa'diyah Putra ini, tanpa tahun. Diawali dengan tajuk "*al-tasmiyah 'inda al-aql*" dan diakhiri "*'ird al-a'māl*". Disediakan bagi tingkatan IV MTsN atau PGAN sedarjat.
- f. *al-Aḥādīth al-Mukhtarah wa Sharḥuha* juz. 5. Dicitak untuk kali kedua di Padang Panjang oleh Penerbit Sa'diyah Putra ini, tanpa menyebutkan tahun. Buku ini mengandungi 49 halaman yang menghuraikan 26 hadith. Diawali dengan hadith pertama, "*inna al-'amāl bi al-niyyāt*" dan terakhir iaitu "*khiyarukum khiyārukum li ahlih*".
- g. *al-Aḥādīth al-Mukhtarah wa Sharḥuha: Sharḥ al-Arba'in al-Nabawiyah*. Di dalam buku hadith bahagian keenam ini telah diulas sebanyak 20 hadith pilihan.

Karya dengan 52 muka surat ini selesai ditulis pada hari Sabtu, 12 September 1970M bersamaan 6 Ramadhan 1390 H. Diterbitkan di Padang Panjang oleh Penerbit Sa'diyah Putra pada tahun 1973 M/1393 H. Selain mengutip penjelasan ulama terdahulu, tidak jarang pula Buya Mawardi menambahkan pendapat sendiri dalam istilah *tanbihāt*, *fawā'id*, dan *tatimmah*. Bahasa huraianya bersifat sederhana dan mudah difahami belaka, semunasabah dengan kemampuan pelajar ketika itu. Seperti dikatakan:

ثم شرحتها شرحا عربيا، سهلا وجيزا، مناسباً لعقول طلابنا وموافقاً لمقتضيات أحوالنا.

⁷⁴ انتخبته ولخصته من شروح الأحاديث المعتمدة ومن الكتب العربية المتنوعة.

Terjemahan: “kemudian saya huraikan ia dengan syarahan berbahasa Arab, mudah dan ringkas, sesuai dengan daya tangkap pelajar-pelajar kita dan sesuai pula dengan tuntutan keadaan kita ketika ini. Saya telah ambilkan dan ringkaskan penjelasannya dari pelbagai kitab syarah hadith yang berautoriti dan dari kitab berbahasa Arab yang pelbagai ragam dan bentuknya”.

h. *Jawāhir al-Aḥādīth*. Judul asalnya iaitu *Jawāhir al-Aḥādīth al-Nabawiyah*.

Seperti kitab hadith sebelum ini, ianya ditulis dengan menggunakan bahasa Arab dengan syarahan yang teramat ringkas berbanding buku-buku hadith terdahulu. Adapun jumlah halamannya iaitu 148 muka surat, yang meliputi 493 hadith. Pernah dicetak sehingga cetakan ketujuh di Padang Panjang, oleh Penerbit Tandikat, tanpa menyebutkan tarikh. Sejarah penulisannya juga tidak disebutkan, sama ada oleh pengarang apatahlagi oleh pihak penerbit. Hadith pertama yang dinukil ialah tentang “*al-Ikhlās*” dan ditutup dengan hadith-hadith dengan “*al-Ad'iyah*”.

Karya-karya dalam Ilmu Hadith;

⁷⁴ Buya Mawardi, *al-Aḥādīth al Mukhtārāh wa Sharḥuhā*, (Padang Panjang: Penerbit Sa'adiyah Putra, t.t.) juz 3-6.

- a) *Hidayah al-Bahīth fi Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Artinya yaitu “Panduan Bagi Pengkaji Dalam Memahami Istilah Hadith”. Karya ini ditulis dalam bahasa Arab, terdiri dari 98 muka surat. Ianya pernah dicetak hingga cetakan ke-11 bertarikh 1972 M atau 1392 H seperti dijelaskan oleh pengarang, kitab ini selesai disusun di Perumahan Guru di Thawalib School Padang Panjang pada hari Isnin, 20 April 1936 M bersamaan 28 Muharam 1355H”.
- b) *Ilmu Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Pada umumnya, pedoman penyusunan karya yang ditulis dalam edisi Indonesia ini adalah diambilkan dari buku *Hidayah al-Bahīth* dalam bahasa Arab yang ditambahkan disana sini. Sekitar 68 pasal perbahasan (tajuk) ilmu hadith telah diulas di dalamnya. Ianya selesai ditulis di Padang Panjang pada (Rabu), 5 Jun 1957 M (8 Zulkaedah 1376 H) dan mula-mula dicetak di Bukit Tinggi oleh Pustaka Sa’adiyah, tahun 1957, dengan jumlah halaman 98 muka surat. Didapati kitab ini pernah pula dicetak hingga cetakan ke-7 di Padang oleh Percetakan Sridharma, tahun 1981, dengan jumlah halaman 128 muka surat. Ia juga telah diterbitkan di Padang Panjang pada tahun 1966, oleh Penerbit Sa’adiyah Putra dengan jumlah halaman 117 muka surat.

Dengan memerhatikan karya-karya beliau, maka dapat diambil kesimpulan bahawa Buya Mawardi mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang keilmuan Islam khususnya dalam bidang hadith.

Kematian

Buya Mawardi telah menghembuskan nafasnya yang terakhir pada pagi hari Jumaat, 30 Disember 1994 M bersamaan 27 Rejab 1415 H, jam 05.50 WIB, di Rumah Sakit Islam Yarsi, Bukittinggi. Ulama kharismatik, guru penuh dedikasi dan penulis produktif itu tutup mata dalam lingkungan usia 81 tahun dalam bilangan tahun masihi

dan 83 tahun dalam hitungan tahun hijriah. Jasadnya dikebumikan disebelah kiri mihrab Masjid Perguruan Thawalib Padang Panjang.⁷⁵

1.3.5 Syeikh Ali Hasan Ahmad (w 1998)

Sheikh Ali Hasan Ahmad lahir tahun 1915 di Tapanuli Selatan. Ia memulai pendidikannya ditanah kelahirannya, Tapanuli Selatan. Setelah itu, tepatnya pada tahun 1927, Ali Hasan Ahmad melanjutkan studinya di Makkah al-Mukarramah. Pada awalnya ia belajar di Madrasah Saulatiah yang didirikan oleh seorang ulama India, iaitu Shaikh Rahmatullah al-Hindi. Selanjutnya beliau belajar di Darul Ulum yang dipimpin Sayid Mukhsin al-Musawa dan berhasil mendapatkan Ijasah Qism Al-‘ali.⁷⁶

Di antara guru-gurunya bidang Ilmu Hadith adalah :

- Sheikh Ahmad Harosani dalam Ilmu *Mustalah al-Hadith*
- Sheikh Umar Hamdan al-Mahrūṣī dalam ilmu Hadith
- Sheikh Husein Abd al-Ghāni dalam ilmu Hadith
- Sheikh Janan Thāib Minangkabawī dalam ilmu Hadith dan Usul Fiqh
- Sheikh Hamid al-Faqīh al-Miṣri dalam Ilmu Hadith.

Sheikh Ali Hasan aktif dalam Organisasi Masyarakat Nahdhatul Ulama di Sumatera Utara. Sehingga beliau adalah salah satu pendiri terbentuknya Perguruan Tinggi Islam Nahdhatul Ulama di Sumatera Utara. Ketika baru didirikannya IAIN Sumatera Utara, beliau pengasas dengan membuka fakulti-fakulti di lingkungan IAIN Sumatera Utara bukan hanya di Kota Medan tetapi juga di Padangsidempuan ibukota Tapanuli Selatan. Gagasan mendirikan perguruan tinggi Islam di daerah ini telah

⁷⁵ *Ibid.*

⁷⁶ Ramli AbdulWahid, *Sejarah Pengkajian Hadith di Indonesia*, (Medan: IAIN Press, 2010) 4.

muncul sejak tahun 1960, yang didorong oleh perkembangan masyarakatnya yang religius dan mempunyai banyak pesantren dan madrasah tingkat Aliyah.⁷⁷

Pada tanggal 17 Juni 1960 diadakan musyawarah antara tokoh-tokoh masyarakat dengan para Ulama di Padangsidempuan. Kemudian pada bulan September 1960 didirikanlah Sekolah Persiapan Perguruan Tinggi Agama Islam Tapanuli Selatan. Sekolah ini dipimpin oleh Sheikh Ali Hasan Ahmad sebagai Dekan, dan perkuliahan dilaksanakan di gedung SMP Negeri II Padangsidempuan. Sekolah ini hanya berjalan selama 10 bulan kerana terbatasnya kewangan dan kesusahan lainnya. Namun cadangan untuk mendirikan Perguruan Tinggi Islam tidak hilang begitu saja. Pada tahun 1962 didirikanlah Yayasan Perguruan Tinggi Nahdlatul Ulama (PERTINU). Sarana dan fasilitas perkuliahan masih memakai bangunan sekolah menengah 11 atau SMPN 11 Padang Sidempuan dan kantor pejabat di rumah Sheikh Ali Hasan Ahmad, yang mana beliau adalah salah satu pengurus Yayasan PERTINU. Setelah PERTINU mendirikan tiga fakulti, para pengurus NU Tapanuli Selatan meningkatkan status perguruan tinggi Islam yang diasuhnya menjadi universiti. Maka dibentuklah Universitas Nahdlatul-Ulama Sumatera Utara (UNUSU) di bawah yayasan baru bernama Yayasan UNUSU. Rektor Pertama UNUSU adalah Syekh Ali Hasan Ahmad.⁷⁸

Sumbangan Dalam Bidang Hadith

Diantara sumbangan dalam bentuk penulisan ilmu hadith yang ditulis Ali Hasan Ahmad di antaranya :

- Ilmu Hadith Praktis yang diterbitkan al-Ma'arif
- Pokok-pokok Muṣṭalah al Hadīth, diterbitkan Pustaka Islamiyah.
- Hadith 20, diterbitkan Mahfuz Budi
- al-Ikmal, diterbitkan Mahfuz budi.

⁷⁷ *Ibid.*

⁷⁸ *Ibid.*

1.3.6 Ramli Abdul Wahid

Ramli Abdul Wahid MA lahir pada 12hb Disember 1954 daripada pasangan Abdul Wahid Sumangunsong dan Salmiah Sirait di desa Sei Kepayang Asahan. Beliau menyelesaikan sekolah rendah di Ibtidaiyah, Tsanawiyah (sekolah menengah), dan Aliyah di Asahan. Beliau berangkat ke Mesir pada tahun 1975 pada peringkat ijazah (Lc), beliau mendapat tawaran untuk mengajar di Fiji Island. Selama tiga tahun beliau mengajar bahasa Arab dan Islam di Ba Muslim College dengan menggunakan bahasa pengantaranya bahasa Inggeris. Beliau juga memperolehi Diploma Higher English dari Trans World Tutorial College, New Jersey, Inggeris. Beliau memperolehi sijil *English as Second Language* dari Palmeratio Univerisity Wellington. Selanjutnya Ijazah Sarjana Muda (sarjana) diselesaikan di Fakulti Usuluddin IAIN-SU pada tahun 1987, dilanjutkan s2 (1991) dan s3 (1997) di PPs (Progam Pascasarjana) IAIN Jakarta.⁷⁹

Ramli Abdul Wahid aktif dalam pentadbiran akademik mahupun pelbagai organisasi kemasyarakatan dan profesion. Beliau pernah menjawat sebagai rektor Institut Agama Darul Ulum, Asahan (1988-1997), Ketua program pemikiran PPs (Progam Pascasarjana) IAIN-SU (1998-1999), Pembantu Dekan di Fakulti Usuluddin IAIN-SU (2003-2007). Dalam organisasi masyarakat beliau menjawat sebagai Dewan Fatwa al-Wasliyyah (1992-2001), Wakil Ketua Dewan Fatwa al Wasliyyah (1997-2003), Wakil Ketua Komisi Fatwa MUI-SU (2000) dan anggota Dewan Syariah Bank Syariah al-wasliyyah.

Sumbangan dalam bidang Hadith

Sumbangan Ramli Abdul Wahid banyak menuliskan karya didalam ilmu hadith, di antaranya :

⁷⁹ Ramli Abdul Wahid, *Kuliah Agama Ilmiah Populer*, (Bandung: Citapustaka, 2005) 263.

- *Studi Ilmu Hadith*, Bandung: Mediapustaka Utama, 2003
- *Ilmu-ilmu Hadith*, Medan: LP2IK, 2004
- *Perbedaan Pendapat dalam sejarah Sunnah dan Tradisi Salaf*, Medan: LP2IK, 2004
- *Fikih Sunnah dalam sorotan, studi Kritis terhadap hadith-hadith makanan, pakaian dan jual beli dalam kitab Fiqh as-Sunnah Karya as-Sayyid Sabiq*, Medan: LP2IK
- *Sejarah pengkajian hadith di Indonesia*, Medan: IAIN Press, 2010

Demikianlah tokoh-tokoh ilmu hadith serta sumbangannya di Sumatera. Justeru, masih banyak lagi tokoh-tokoh serta karya mereka yang tidak dikemukakan penyelidik disini. Manakala apa yang telah disebutkan di atas merupakan contoh sahaja.

1.4 Kaedah Dan Kajian Perkembangan Hadith Pada Akhir Abad Ke 19 Sampai Abad ke 20 Dalam Pengajian Hadith Di Sumatera

Perhatian yang besar terhadap hadith ditandai dengan adanya kitab-kitab hadith yang dijadikan bahan pembelajaran kurikulum di surau, madrasah dan pesantren. Mahmud Yunus mencatat bahawa pada tahun 1900-1908 kitab hadith sudah diajarkan di berbagai surau yang menjadi awal lahirnya madrasah di Sumatera. Kitab-kitab yang diajarkan adalah *Ḥadīth al-Arbaʿīn* karya al-Nawawi, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* dibidang hadith. Sedangkan dibidang *muṣṭalaḥ al ḥadīth* digunakanlah kitab *Bayquniyyah* dan Syar'inya. Kemudian pada masa-masa selanjutnya, kitab-kitab hadith dijadikan buku pembelajaran di madrasah-madrasah dan pesantren-pesantren.⁸⁰

⁸⁰ “Penulisan Hadith di Indonesia sempat berhenti hingga 1,5 Abad”, laman sesawang *ejurnal uin suka*, dicapai 13februari2013, http://uinsuka.info/ejurnal/index.php?option=com_content&task=view&id=62&Itemid=28

Menurut kajian yang dilakukan Mahmud Yunus ada sekitar 11 kitab hadith dan 4 kitab ilmu hadith yang diajarkan di madrasah dan pesantren (pondok) antara tahun 1900-1960.⁸¹ Adapun daftar kitab hadith dan Ilmu Mustalah hadith tersebut diantaranya:⁸²

1. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Imam Bukhari
2. *Fathul al Bārī*, Imam Bukharī
3. *Minhāt al-Mugūth Hāfīz*, Hasan Mas‘ūdī
4. *Jawāhir al-Bukhārī*, Muṣṭāfā M. ‘Umarah
5. *Tajrīd al-Ṣarīḥ*, Al-Zabidi
6. *Ṣaḥīḥ Muslim*, Imam Muslim
7. *al-Arba’īn al-Nawawiyah*, Abu Zakariyya Yahya Al-Nawawī
8. *Riyād al-Ṣālihīn*, Yahya ibn Sharaf al-Din al-Nawawi
9. *Bulūgh al-Marām*, Ibn Hajar al-‘Asqalānī
10. *Subūl al-Salām*, Ibn Hajar al-‘Asqalānī
11. *al-Adab al-Nabawi*, Muhammad ‘Abd al-‘Aziz al-Khullī
12. *Nail al-Awṭar*, Muhammad ibn ‘Ali al-Shawkānī
13. *Matan Bayquniyyah/Syarh Bayquniyyah*, Tāhā ibn Muhammad al-Fattah al-Bayquni Aṭīyyah al-Ajhuri
14. *‘Ilm Muṣṭalah al-Ḥadīth*, H. Mahmud Yunus
15. *Nubḥāt al-Fikr lī Ibn Hajar al-‘Asqalānī*, Ibn Hajar al-‘Asqalani

Seperti terlihat diatas, dalam bidang materi hadith, literatur yang digunakan meliputi kitab rujukan, antologi hadith dan kitab syarh. Termasuk dalam kitab rujukan

⁸¹ Muhammad Tasrif, *Studi Hadith Di Indonesia (Telaah Historis Terhadap Studi Hadith Dari Abad Xvii-Sekarang*, Jurnal Studi Ilmu Al-Quran Dan Hadith, Vol 5, Januari 2004, Jogakarta: Jurusan Tafsir Hadith, Fakulti Usuluddin IAIN Sunan Kali Jaga, 111.

⁸² *Ibid.*

adalah *Ṣaḥīḥ al-Bukhari*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Jawāhir al-Bukhāri* dan *al-Tajrīd al-Sharīh*. Sedangkan yang termasuk antologi meliputi *Arba'īn al-Nawawiyah*, *Riyād al-Ṣāliḥīn* dan *Bulūgh al-Marām*. manakala kitab syarh pula adalah *Fath al-Bārī*, *Syarh al-Bukhāri*, *Subūl al-Salām*, *Sharh Bulūgh al-Marām*, *al-Adāb al-Nabawi* dan *Nayl al-Awṡhār*. Dari sejumlah kitab-kitab tersebut, yang paling banyak digunakan justeru kitab-kitab antologi, sedangkan kitab-kitab primer dan syarh hanya digunakan oleh sejumlah kecil madrasah dan pesantren (pondok) sahaja.⁸³

Sampai akhir tahun 1980.-an, terdapat empat jenis literatur hadith di Sumatera. Jenis pertama adalah literatur ilmu hadith yang berisi kajian terhadap hadith yang berkembang pada masa awal Islam untuk menentukan keaslian dan kepalsuannya. Jenis kedua adalah literatur terjemahan terhadap kitab-kitab hadith yang disusun pada masa awal (620-1250) dan masa pertengahan Islam (1250-1850). Jenis ketiga berisi antologi hadith pilihan yang diambil dari kitab-kitab kumpulan hadith, yang dipilih dan ditulis ulang oleh penulis. Kemudian jenis keempat berisi kumpulan hadith yang digunakan sebagai sumber hukum dan materi pelajaran di sekolah-sekolah Islam.⁸⁴

Howard M. Federspiel⁸⁵ pemikiran tokoh hadith yang ada di Indonesia khususnya di Sumatera telah melakukan survei literatur hadith di Indonesia sampai masa 1980-an. Kajian Federspiel diarahkan kepada upaya klasifikasi bentuk literatur yang ditulis oleh para penulis Indonesia. Kualitas literatur dinilai dari latar belakang

⁸³ *Ibid*

⁸⁴ *Ibid*

⁸⁵ Dr. Howard M. Federspiel lahir pada tahun 1932 di Negara Bagian New York, AS. Ia adalah professor di Institut Studi-Studi Islam Universitas McGill di Montreal Kanada, dan juga professor ilmu politik di Universiti Negara Bagian Ohio di Newark Ohio Amerika Serikat. Sebelumnya Ia belajar Universiti McGill di bawah penyelia Fazlur Rahman, Wilfred Cantwell Smith, John Alden Williams, dan Muhammad Rasyidi.

Federspiel mempunyai latar belakang pendidikan di bidang antropologi, latar belakang pendidikan tersebutlah yang kemudian menyokong Federspiel untuk fokus terhadap masalah-masalah dengan manusia dan asal muasal kehidupannya, yang tentunya sedikit-banyak juga berkait rapat dengan aspek sejarah. Dengan ini, Howard M. Federspiel menyokong untuk menulis disertasi pascasiswazah-nya tentang “*Haji M. Amin al-Husayni dan Mandate Palestina pada tahun 1920-1930*”, dan tesis Ph.D-nya di Indonesia berkenaan dengan Persatuan Islam (Persis) Bandung dan Bangil, dan juga yang memotivasi dirinya untuk mengkaji kajian al-Qur’an di Indonesia.

penulis, kepentingan penulisan dan popularitinya.⁸⁶ Menurut Federspiel, literatur hadith sampai akhir 1980-an terlihat masih dalam proses pembentukan, dilihat berbagai karya baru terus bermunculan yang bentuk-nya belum terbentuk secara utuh.⁸⁷

Pada masa ini, hadith menjadi sebahagian daripada kurikulum pesantren dan madrasah. Teks-teks dalam bahasa Indonesia ditulis untuk kepentingan ini. Namun demikian, seperti pengamatan Federspiel, teks-teks tersebut dilihat dari sisi isi tidaklah memuat hal-hal baru. Isinya hanyalah apa yang pernah dipelajari pada pesantren-pesantren sebelumnya dan bersandar kepada teks-teks Arab. Kajian akademis sampai tahun 1980-an, tidaklah banyak mendapat perhatian dari orang-orang Islam sendiri. Literatur ‘ilmu *muṣṭalāh al-hadīth* dari sisi isi tidak memuat hal-hal baru, juga belum membahas kritik hadith secara tuntas. Teori kritik hadith yang dikemukakan hanya mencakup kritik sanad dan matan yang diarahkan untuk mengetahui tingkat otentisitas hadith. Sedangkan pengembangan kritik matan yang diarahkan untuk *fiqh al-ḥadīth* belum mendapat perhatian.⁸⁸

Tafsir terhadap hadith juga belum dilakukan secara mendalam. Dengan demikian, boleh dikatakan bahwa bidang kajian hadith ini baru dalam taraf kelahirannya.

1.5 Perkembangan Pengajian Hadith Di Institusi Perguruan Tinggi Di Sumatera

Pengajaran hadith bermula sebelum tertubuhnya Perguruan Tinggi Agama Islam (PTAI). Secara umum ia dilaksanakan di lembaga-lembaga Islam formal yang sudah wujud pada masa itu seperti pondok pesantren dan madrasah, juga berbentuk tidak formal, seperti di masjid dan surau. Contohnya adalah di Tsanawiyah *al-Jami’ah*

⁸⁶ Muhammad Tasrif, *Studi Hadith Di Indonesia*, 111.

⁸⁷ *Ibid.*

⁸⁸ *Ibid.*

Islamiyah yang didirikan oleh Mahmud Yunus tahun 1931. Beliau memberikan mata pelajaran hadith dan ilmu hadith (*muṣṭalah al-ḥadīth*), bermula pada kelas satu hingga kelas empat.⁸⁹

Kajian terhadap hadith mendapatkan perhatian yang lebih fokus ketika hadith menjadi sebahagian daripada mata kuliah (subjek) yang diajarkan di Persatuan Guru-Guru Agama Islam (PGAI). Perguruan Tinggi Islam ini bermula pada tahun 1940 di Padang Sumatera Barat pada tarikh 9 Disember 1940 yang diasaskan oleh Mahmud Yunus. Menurut Mahmud Yunus, Perguruan Tinggi ini adalah pertama di Sumatera Barat Bahkan di Indonesia. Institusi ini terdiri daripada dua fakulti iaitu Fakulti Syariah dan Fakulti Pendidikan dan Bahasa Arab.⁹⁰

Perguruan Tinggi Agama Islam Negeri (PTAIN) dirasmikan melalui peraturan pemerintah nombor 34 Tahun 1950 dan mula beroperasi pada tahun 1951, Oleh itu, Perguruan Tinggi Agama Islam belum tertubuh di Indonesia sebelum tahun 1940.⁹¹

Adapun materi hadith berupa kajian terhadap hadith-hadith yang berhubungkait dengan dasar-dasar Islam: aqidah, syari'ah dan akhlak. Sementara materi ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* berupa pengenalan teori-teori kritik hadith, sekalipun tidak sampai pada pelaksanaan teori-teori tersebut. Sedangkan pelajar yang mengambil jurusan tafsir-hadith mendapatkan materi hadith terhadap kajian hadith-hadith yang berkaitan dengan persoalan-persoalan syari'ah, secara detail: ibadah, muamalah, peradilan, munakahat dan jinayat. Sedangkan dalam materi *Ilm Muṣṭalah Al-Ḥadith* mahasiswa mendapatkan teori-teori kritik hadith dan sekaligus cara pemakaian hadith tersebut. Materi ini lebih jauh juga berkaitan dengan *fiqh al-ḥadīth*, iaitu memandang ajaran-ajaran hadith tidak

⁸⁹ Haidar Putra Daulay, *Sejarah Pertumbuhan Dan Pembaruan Pendidikan Islam di Indonesia*, (Yogyakarta: Citapustaka Media,2001) 35.

⁹⁰ Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam Indonesia*, (Jakarta: Hidakarya, 1979), 121.

⁹¹ Haidar Daulay, *Sejarah Pertumbuhan*, 139.

mengikat secara mutlak, tetapi perlu difahami sesuai dengan kepentingan manusia pada masa sekarang.⁹²

Dalam kurikulum Fakultas Syari'ah, misalnya yang disusun oleh sebuah tim yang berada di bawah bimbingan Prof. Dr. T.M. Hasbi Ash-Shiddieqy, materi hadîth terdiri dari: pengantar ilmu hadith, *ḥadīth al-aḥkām*, *ḥadīth tashrīḥ*, *‘ulūm al-ḥadīth*, *ma‘ānī al-ḥadīth* dan pembahasan kitab-kitab hadith. Manakala materi pengantar ilmu hadith terdiri dari definisi istilah-istilah (hadith dan sebagainya), sejarah hadith (masa Nabi sampai abad kelima), kedudukan dan macam-macam ilmu hadith, *‘ilm muṣṭalaḥ al-ḥadīth* dan biografi para perawi hadith (terutama sahabat).⁹³

Berbeda dengan kajian hadith di madrasah dan pesantren, kajian di PTAIN menunjukkan kemajuan yang cukup besar. Hal ini terlihat dari jumlah, model dan isi literatur yang digunakan yang jauh lebih banyak dan karya-karya yang ditulis oleh penulis Indonesia sendiri jumlahnya juga semakin banyak. Di bidang materi hadith, literatur yang digunakan telah mencakup literatur-literatur primer. Kitab-kitab syarh dari kitab-kitab primer juga digunakan. Hampir semua kitab primer telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia. Begitu pula jumlah literatur antologi hadith yang disusun oleh penulis Indonesia cukup banyak. Koleksi hadith-hadith hukum yang disusun dan diterjemahkan oleh T.M. Hasbi Ash-Shiddieqy merupakan salah satu contohnya.⁹⁴

Di bidang penelitian hadith, literatur yang digunakan juga telah memadai untuk digunakan sebagai dasar untuk melakukan penelitian secara mandiri terhadap sanad dan matan hadith. Karya Mahmud Tahhan, *Nur al-Dīn ‘Itr* dan *Ṣalah al-Dīn al-Idībī* merupakan literatur tingkat lanjutan dalam kajian hadith. Lebih jauh, literatur hadith yang ditulis oleh penulis Indonesia juga telah memungkinkan pembacanya untuk

⁹² Muh Tasrif, *Studi Hadith Di Indonesia*, 35

⁹³ *Ibid*

⁹⁴ *Ibid*

melakukan penelitian hadith berdasarkan teori yang dikemukakannya. Karya M. Syuhudi Ismail, misalnya yang bertajuk “*Metodologi Penelitian Hadith Nabi*”, merupakan contoh literatur hadith tingkat lanjutan dan memiliki kualifikasi ilmiah yang sejajar dengan para penulis literatur hadith yang berasal dari Arab dan negeri yang lain.⁹⁵

Lebih jauh, setelah tahun 1980-an banyak sekali muncul karya-karya akademik di bidang hadith, terutama hasil penelitian mahasiswa program pasca siswazah dan PhD dilingkungan PTAIN. Begitu pula, banyak karya penelitian yang ditulis untuk keperluan penerbitan jurnal-jurnal ilmiah di pelbagai perguruan tinggi Islam. Hal yang boleh dikatakan berbeza dari literatur yang digunakan untuk kurikulum di PTAIN. Literatur baru ini lebih membincangkan persoalan yang berkaitan dengan pemahaman hadith Nabi dalam konteks Indonesia masa kini. Pelbagai pendekatan dan metode pemahaman banyak ditulis dan didiskusikan di kalangan para sarjana PTAIN. Hal tersebut menandakan studi hadith di PTAIN sangat dinamis terlebih sejak dipindahkannya jurusan TH ke Fak. Ushuluddin.⁹⁶

Sehinggalah pada abad ini lulusan kedoktoran di Sumatera semakin banyak dan dalam penjagaan ilmu hadith terus berlanjutan seperti Prof. Edi Syafri, iaitu Guru Besar ilmu hadith di IAIN Padang, Prof. Ramli, Guru Besar IAIN Medan dan Prof. Daniel Djuned, Guru Besar IAIN di Aceh, mereka pun telah banyak menuliskan karya-karya mengenai ilmu hadith dan memiliki pemikiran hadith yang sangat kuat sehingga memberikan pengaruh ilmu hadith di Sumatera semakin besar.

⁹⁵ *Ibid.*

⁹⁶ *Ibid.*

1.6 Kesimpulan

Pengajian terhadap hadits Nabi SAW sebagai sumber teras ajaran Islam sememangnya telah mendapatkan tumpuan yang wajar daripada ulama Nusantara. Dakwaan yang berkembang di masyarakat selama ini, yang menyatakan bahawa kajian hadits merupakan cawangan ilmu yang terbiar, tidak semuanya benar. Walaupun muatan hadits agak lebih sedikit dibandingkan kajian tasawwuf, akidah mahupun fiqh.

Realiti menunjukkan, tokoh ulama Nusantara khususnya di Sumatera telah mengusahakan pengajian hadits tetap hidup dan layak untuk diterokai. Semakin hidupnya langkah pengajian hadits di antara mereka pun mulai mendalami pelbagai ilmu hadits seperti pemahaman hadits secara tekstual mahupun kontekstual dan mengenai *fiqh al-hadīth*. Mereka juga memasukkan disiplin ilmu hadits ke dalam silabi kedalam sistem pengajaran daripada pendidikan formal seperti sekolah rendah sampai perguruan tinggi Islam, sehingga melahirkan tokoh-tokoh pakar hadits di Nusantara pada abad ini. Dari sini muncullah tokoh ulama Nusantara yang senantiasa menjaga eksistensi ilmu hadits ditengah pelik dan sukar bidang ini, iaitu Prof Dr Teuku Daniel Djuned MA. Oleh itu beliau banyak memberikan tempas ilmu terhadap generasi selepasnya. Pada bab berikut ini, penulis akan memperkenalkan biografi tokoh berkenaan.